

Menuju Ketakwaan

ABDULLAH NASIH ULWAN

Isi Kandungan

- Halaman
- Menuju Ketakwaan.
- Apakah Jalan Yang Menyampaikan Kepada Kerohanian Ini?
- Apakah Jalan Menuju Ke Arah Ketakwaan?
- Kesentiasaan Bermuraqabah Kepada Allah.
- Pembentangan Hari Akhirat Serta Suasana Dan Keadaannya.
- Amalan-Amalan Dalam Menguat Serta Memperteguhkan Rohani.
- Kesan Kerohanian Dalam Pembinaan Islam Dan Perubahan.
- Sejarah Mereka Yang Melakukan Islah Dan Pengorbanan.
- Penutup

Pengantar Penulis

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji-pujian bagi Rabb Semesta Alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., seluruh ahli keluarga dan para sahabat serta para duat yang menyeru kepada kebenaran juga pemimpin-pemimpin kebaikan yang mengikuti jalan kebaikan hingga ke hari kemudian.

Buku ini adalah merupakan fasal keenam dari siri 'Madrasah Para Duat' dengan membawa tajuk 'Rohaniyyah Pendakwah'. Buku ini saya tujukan kepada para duat sekalian supaya dapat dijadikan satu manhaj untuk pembinaan dan pentarbiyyahan mereka. Dengan ini juga, saya mengharapkan akan lahirnya generasi duat yang mampu meningkatkan lagi keberkesanan dakwah dan kepercayaan manusia umum terhadap mereka.

Semoga Allah tidak mensia-siakan amalan-amalan kamu.

Penulis

Abdullah Nasih 'Ulwan

Menuju Ketakwaan

Setelah engkau maklumi – saudaraku pendakwah – bahawa keimanan, keikhlasan, keberanian, kesabaran dan bersikap optimis adalah merupakan perkara yang asasi dalam pembentukan psikologi pendakwah dan dalam persediaannya berdakwah. Begitu juga setelah engkau ketahui bahawa kesemua sifat ini tidak mungkin terkumpul melainkan di dalam jiwa mukmin yang merasai kemanisan iman dan menyerahkan dirinya untuk Islam. Ia tetap dan terus bergerak ke arah matlamatnya sehingga Allah mengizinkan baginya kemenangan, atau ia kembali menemui Allah dan ia tetap berada di jalan perjuangan yang dipenuhi dengan rintangan, ujian, pertarungan dan penderitaan.

Setelah engkau maklumi bahawa sekiranya keseluruhan sifat-sifat ini sentiasa menyusuli dan mendampingi liku-liku perjalananmu, nescaya ianya akan memindahkan engkau ke suatu titik mula perjalanan yang mana apabila engkau melangkahi jalan tersebut, engkau akan merasai tiupan sepoi-sepoi bayu keimanan, membekali engkau dengan bekalan ketakwaan, menyinari jiwamu dengan sinaran kerohanian dan jadilah engkau insan yang salih, mukmin yang bertakwa, muslim yang warak dan lelaki yang ikhlas. Bahkan apabila engkau berjalan maka dalam perjalanan itu engkau akan mendapati kemudahan, apabila engkau bercakap, maka kata-katamu itu mempengaruhi, apabila engkau beramal maka amalan engkau menjadi contoh teladan (qudwah) apabila engkau muncul di khalayak ramai, maka di dalam pandangan air mukamu ada suatu tarikan dan apabila engkau memberikan pandangan maka di dalamnya terdapat suatu yang terang bersinar.

Sekiranya tahap yang disebutkan tadi ditentukan pengambilannya (bentuk), daripada tarbiyyah kepada mujahadah maka ianya akan menjadi sumber kekuatan yang utama untuk para dai'.

Seterusnya ianya akan menjadi perangsang kepada ketinggian kerohanian serta sebagai pusat arah tujuan matlamat pentarbiyyahannya. Bahkan ia merupakan penggerak yang pertama bagi kesedarannya dalam memikul tanggungjawab. Ia juga merupakan matlamat yang paling utama dalam perjalanannya di jalan (istiqamah) dan juga pemberi ingatan yang paling besar kepada segala kesalahan dan penyimpangannya daripada kebenaran.

Lantaran itu apabila jiwa para pendakwah kekosongan daripada petunjuk-petunjuk kerohanian yang sempurna ini maka sesungguhnya kehidupan mereka adalah merupakan kehidupan yang kosong. Ia tidak menghasilkan sebarang keberkesanan dan sumbangan kepada dakwah. Lantaran membawanya kepada kebinasaan dan kesesiaan di dalam kegelapan sifat-sifat ujub, munafik serta riak lalu tersungkur ia ke dalam kemelut yang dipenuhi lumpur-lumpur (perkara) yang melalaikan. Lantas

terjerumus ke dalam sifat-sifat mementingkan diri sendiri (keakuan), keangkuhan serta ketakburan. Ia hanya berusaha dengan segala kemampuannya untuk menarik manusia kepada peribadinya bukan kepada Allah s.w.t., membina seluruh kemuliaan hanya untuk dirinya bukan untuk Islam, dan hanya bekerja untuk (kepentingan) dunianya bukan untuk akhirat.

Natijah dari semuanya ini berlakulah kegelinciran dan kejatuhan serta berlakulah kebinasaan. Apabila sejauh ini kepentingan kerohanian:

Apakah jalan ke arahnya?

Apakah sokongan yang mengukuhkannya?

Apakah kesannya dalam pembinaan, pengislahan (pemulihan) dan perubahan?

Setiap persoalan di atas akan engkau dapati – saudaraku pendakwah – penyelesaiannya. Bahkan engkau akan dapati InsyaAllah suatu yang akan menyinari dan menyulahi jalan yang akan menyampaikan engkau kepada-Nya. Allah jualah menerangkan jalan (yang lurus) dan kepada-Nya pergantungan pertolongan.

Apakah Jalan Yang Menyampaikan Kepada Kerohanian Ini?

Al-Quranul-Karim dalam pandangannya yang menyeluruh kepada nirwana semesta ini, manusia dan kehidupan ini, telah menerangkan kepada kita satu manhaj yang amali dalam mempersiapkan manusia di segi roh, pembentukan keimanannya dan pentarbiyyahan kejiwaannya.

Firman Allah dalam Surah Al-Anfal:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu bertakwa kepada Allah, nescaya Ia mengadakan bagi kamu (petunjuk) yang membezakan antara yang benar dan yang salah, dan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu serta mengampunkan (dosa-dosa) kamu. Dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.” (Al-Anfal:29)

Firman Allah dalam Surah Al-Hadid:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tetaplah beriman kepada Rasul-Nya (Muhammad) supaya Allah memberikan kepada kamu dua bahagian dan rahmat-Nya dan menjadikan bagi kamu cahaya untuk kamu berjalan dengannya serta diampunkan dosa kamu dan ingatlah Allah amat Pengampun lagi amat Pengasihani.” (Al-Hadid: 28)

Dan firman Allah dalam surah At-Talaq:

“Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan segala larangan) nescaya Allah mengadakan baginya jalan keluar (dari perkara yang menyusahkan) serta memberikannya rezeki dari jalan yang tidak disangkakannya.” (At-Talaq :2-3)

Renungi dan perhatikanlah dalam keseluruhan rangkaian ayat-ayat tadi, apakah yang kita dapati?

Kita mendapati bahawa ketakwaan kepada Allah Azzawajala adalah merupakan asas gelombang kekuatan, serta asas bagi nur (cahaya) yang menyuluh dan asas bagi pemberian serta sumbangan (pengorbanan).

Dalam pada itu juga dengan ketakwaan kepada Allah Azzawajala sahajalah yang membolehkan seseorang mukmin membezakan antara yang “kurus” dengan yang “gemuk”, iaitu membezakan antara yang hak dengan yang batil.

Begitulah dengan ketakwaan kepada-Nya, Allah menjadikan bagi mereka yang bertakwa satu nur (cahaya). Lantaran dengan cahaya tersebut mereka berjalan di kalangan manusia lalu manusia seluruhnya berpandukan dengan nur hidayah (yang mereka bawa) dan bersinarkan dengan nur tersebut.

Dengan ketakwaan kepada-Nya, mereka (yang bertakwa) mendapat jalan keluar (daripada kesusahan) kepada jalan yang penuh dengan keamanan. Sekalipun mereka di ketika itu berhadapan dengan maut serta berhadapan dengan seksaan-seksaan.

Sayyid Qutb dalam mentafsirkan firman Allah

(Surah Al-Anfal:29)

menyatakan: “Inilah dia bekalannya iaitu bekalannya persediaan dan kelengkapan di perjalanan. Bekalannya ketakwaan yang menghidup, membangkit dan menyedarkan hati, membuahkannya di dalamnya setinggi-tinggi kesedaran, kewaspadaan dan berhati-hati. Menyediakan baginya sinar cahaya petunjuk yang menyingkap segala rintangan ujian di liku-liku perjalanan yang sejauh mata memandang. Cahaya petunjuk ini merupakan cahaya yang tidak dikelami dengan sebarang syubhat (kesamaran) serta melindungi pemikiran yang sempurna dan benar. Kemudian, ia adalah merupakan bekalannya mengampun dan memaafkan sebarang kesalahan, bekalannya kedamaian yang mencurahkan ketenangan dan kegembiraan, bekalannya cita-cita serta impian untuk memenuhi dan mencapai kurniaan Allah yang maha besar di ketika hari yang tiada di sana sebarang bekalannya di ketika hari yang mana keseluruhan amalannya adalah sia-sia, tidak mempunyai sebarang nilai. Kesemuanya ini adalah merupakan kenyataan: Bahawa hanya ketakwaan kepada Allah sahajalah yang benar wujud dan menjelma di hati, satu petunjuk yang membezakan antara yang benar dan yang batil yang seterusnya menyingkapkan rintangan dan halangan di perjalanan. Begitu juga dengan hakikat-hakikat kepercayaan (akidah) ini tidak akan dirasai, difahami dan diketahui melainkan kepada mereka yang melaksanakan secara amali.”

Dengan hanya menggambarkan sifat-sifat di atas, seseorang yang menikmati kelazatan hakikat ini tidak dapat memindahkannya kepada orang yang tidak menikmatinya.

Sesungguhnya urusan-urusan kehidupan sentiasa membayangi dan mengelirukan perasaan dan kewarasan. Begitu juga dengan jalan-jalan yang berbagai haluan telah membayangi dan mengelirukan pandangan dan pemikiran. Manakala kebatilan sentiasa mengaburi (membayangi) kebenaran ketika mana pemutusan (penentuan jalan) dan hujah keterangan dikelami oleh kehitaman, tetapi tidaklah ia terus terselubung dan dibisukan walaupun ianya telah tidak disahuti oleh hati dan akal. Begitu kerap juga perdebatan yang sia-sia serta perbincangan yang penuh dengan kesungguhan dan kehampaan. Kesemua ini adalah berpunca dan tidak wujudnya di sana “ketakwaan”. Apabila ianya wujud, terserlahlah kewarasan, nyatalah kebenaran, tersingkaplah jalan, tenteramlah hati, lapanglah segala tindakan, tenanglah jiwa dan tetap perasaan, serta teguhlah engkau di dalam perjalanan.

Sesungguhnya kebenaran tidaklah mengasingkan dirinya dari fitrah. Tetapi hawa nafsulah yang melindungi kebenaran dengan fitrah, hawa

nafsulah yang menyebarkan kelam kegelapan, melindungi pendapat pemikiran menutupi jalan dan menyembunyikannya. Ianya tidak tertewas oleh hujah, tetapi ianya tertewas oleh ketakwaan. Tertewas oleh ketakutan kepada Allah dan muraqabah kepada-Nya ketika tersembunyi dan secara berterangan. Daripada ini nyatalah bahawa Al-Furqanlah (Al-Quran) yang menyinari pandangan dan menghilangkan segala kesamaran serta membuka (menjelaskan) jalan.¹

Lantaran itu apabila ternyata (kepada kita) betapa pentingnya ketakwaan, maka apakah hakikatnya serta bagaimanakah jalan untuk menyampaikan kepadanya?

Ketakwaan sebagaimana takrifan sebahagian para ulamak ialah – “Bahawa Allah tidak melihat engkau ketika mana ia menegah engkau dan bahawa Allah tidak mengurangi (merugikan) engkau ketika mana ia memerintahkan”

Atau takrifan sebahagian ulamak yang lain – Takwa ialah memelihara diri daripada azab Allah dengan mengerjakan amal salih dan takut kepadaNya ketika terang dan tersembunyi.

Ketakwaan adalah merupakan suatu hasil yang jitu, serta buah yang semulajadi bagi perasaan yang dilimpahi dengan keimanan yang mendalam, yang menghubungkan dengan muraqabah (mendekatkan) kepada Allah (Lahir satu perasaan ketakutan kepada-Nya, kegerunan dan kemurkaan dan seksaan-Nya, keinginan serta kesungguhan (ketamakan) kepada keampunan dan kurnia pahala-Nya.

Al-Quran begitu mengambil berat tentang fadilat (kelebihan) ketakwaan, bahkan dalam pada itu ia menyeru manusia kepada ketakwaan dan menempatkan serta memberikan keistimewaan kepadanya. Sebilangan besar dari ayat-ayatnya yang jelas sehinggalah para pembacanya, hampir-hampir tidak tertinggal satupun muka surat ayat-ayat suci Al-Quran ataupun sebahagiannya melainkan mereka akan mendapati kalimah “at-takwa” di sana sini yang dinyatakan oleh yang Maha Pengingat dan Maha Bijaksana.

Para sahabat dan salafus salih begitu mengambil berat tentang ketakwaan di mana mereka memastikan, bermujahadah untuk mencapainya dan sering bertanya mengenainya. Baginda Umar bin Al-Khattab pernah bertanyakan Ubai bin Kaab tentang takwa. Ubai bertanya: “Pernahkah engkau berjalan di jalan yang berduri? Umar menjawab, “Bahkan!” Ubai bertanya: “Apa yang engkau lakukan apabila berjalan di jalan tersebut? Jawab Umar: “Aku berhati-hati dan berusaha (melepassi nya).” Lalu Ubai berkata: “Maka yang demikian itulah ketakwaan”.²

Berasaskan kepada pengertian ketakwaan seperti yang dinyatakan oleh Ubai bin Kaab dalam jawapannya terhadap soalan yang dikemukakan

¹ Zilal Al-Quran 3/1499

² Zilal 1/40

oleh baginda Umar, Sayyid Qutb Rahimahullah menyatakan di dalam tafsirnya, “Fi Zilalil Quran”:

Yang demikian itulah ketakwaan, kehalusan rasa dalam tindakan, keheningan pada perasaan, ketakutan yang berterusan, kesentiasaan di dalam kewaspadaan dan pemeliharaan (diri) dan ranjau-ranjau di jalan. Jalan kehidupan. Jalan yang sentiasa dirintangi oleh ranjau-ranjau keinginan hawa nafsu, ranjau-ranjau kehalobaan, kebanggaan serta yang menakutkan dan menggetarkan hati, ranjau-ranjau tipuan pengharapan bagi mereka yang tidak mempunyai pengharapan. Tiupan ketakutan dari mereka yang tidak memberikan kemanfaatan serta kemudaratannya dan puluhan macam ranjau-ranjau yang lain.³

Cukuplah “takwa” dengan segala kelebihan dan keberkesannya. Sesungguhnya ia merupakan pemancar kelebihan (fadilah) kepada masyarakat seluruhnya. Satu-satunya jalan untuk mengawal kerosakan, kejahatan dan dosa. Bahkan ia merupakan rukun yang paling asasi dalam pembentukan sesebuah keperibadian di segi kejiwaan dan akhlaknya. Membolehkannya untuk menghadapi sebarang kesusahan dan kepayahan dalam kehidupan ini, serta membantunya untuk membezakan antara sebuah kehidupan yang baik dan yang buruk juga menyabarkannya ketika berhadapan dengan mihnah (ujian), tribulasi dan kesusahan kehidupan ini.

Itulah hakikat ketakwaan yang kesannya begitu terasa dalam pentarbiyyahan sesebuah peribadi dan pembentukan sesebuah jamaah.

³ Rujuk Zilal 1/40

Apakah Jalan Menuju Ke Arah Ketakwaan?

Memadailah bagi kami untuk mengungkapkan beberapa jalan yang paling penting dalam membersihkan dan menyuburkan takwa serta memperteguhkannya di dalam hati dan jiwa para mukmin. Di samping itu mereka dapat menguasainya di dalam perasaan dan kesadaran mereka. Semoga para pendakwah akan berjalan di jalan ketakwaan dan menimba segala kebbaikannya:

1. Perjanjian (Mu'ahadah)

Asasnya terkandung dalam firman Allah di dalam Surah an-Nahl:

“Dan tepatilah perjanjian dengan Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah) sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

(An-Nahl: 91)

Kaifiat (cara) perjanjian: Seseorang mukmin itu mengasingkan dirinya (berkhalwat) di suatu tempat di mana (wujud di situ) hanya ia dan Rabb sahaja lalu ia berkata: “Sesungguhnya engkau wahai diri telah memberikan kesetiaan (perjanjian) kepada Allah di beberapa detik perhentian harianmu, pada detik tersebut engkau berdiri di hadapan Allah s.w.t., serta membisikkan kepada-Nya di dalam bahasa Arab yang nyata.

“Hanya Engkau yang kami sembah dan hanya Engkau kami mohon pertolongan. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. Jalan mereka yang Engkau kurniakan nikmat ke atas mereka itu, bukannya (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.”

(Al-Fatihah)

Tidakkah wahai diri! Di dalam munajat engkau itu terdapat suatu ikrar daripada engkau:

“Bahawasanya engkau tidak mengabdikan diri melainkan kepada Allah, tidak engkau memohon pertolongan melainkan dari-Nya, dan bahawasanya engkau akan tetap beriltizam di atas jalan-Nya yang lurus dan tidak ada padanya sebarang kebengkokan (jalan yang lurus). Itulah jalan Islam, seterusnya engkau telah berikrar tidak akan me- lampau batasan jalan-jalan mereka yang sesat dan dimurkai Allah yang mana mereka ini merupakan penganut agama serta ideologi yang lain (daripada Islam).”

Apabila sebegini keadaannya, beringatlah wahai diri! Engkau tidak akan mencabuli perjanjian setelah engkau menjadikan Allah sebagai saksi atas ikrar engkau. Awaslah engkau daripada melencong dari jalan yang telah

digariskan oleh Islam serta mengikuti jalan golongan-golongan yang sesat dan menyesatkan setelah engkau menjadikan Allah sebagai saksi.

Seterusnya awaslah wahai diri dari kekufuran setelah keimanan, daripada kesesatan setelah (mendapat) petunjuk dan awaslah daripada kefasikan setelah beriltizam. Barangsiapa yang membatalkan (mencabuli) perjanjiannya, maka sesungguhnya akibat pembatalan itu hanyalah bertanggung ke atas dirinya, juga barangsiapa yang sesat, maka sesungguhnya akibat kesesatan itu hanya akan ditanggung oleh dirinya sahaja. Bahkan seseorang yang melakukan dosa hanya memikul dosanya sahaja dan tidaklah Kami (Allah) mengazab sesiapaupun sebelum Kami mengutus kepada mereka seorang Rasul untuk menerangi yang benar dan yang batil.⁴

Pada penilaianku, saudaraku pendakwah! Sesungguhnya apabila engkau mensyaratkan (menetapkan) dirimu untuk terus tetap beriltizam di atas janji yang telah engkau meterai sehari semalam lebih dari tujuh belas kali, kemudiannya engkau memikulnya dengan penuh persediaan dan pelaksanaan, maka sesungguhnya engkau tidak syak lagi sedikit demi sedikit maju ke arah ketakwaan, berjalan engkau di jalan kerohanian dan sampai engkau ke suatu lingkungan perhentian di tingkatan para muttaqin yang dilimpahi dengan kebajikan.

2. Muraqabah

Asasnya terkandung dalam firman Allah di dalam surah As-Syu'ara:

“(Allah) Yang melihatmu semasa engkau berdiri (mengerjakan) sembahyang dan (melihat) gerak gerimu di antara orang-orang yang sujud.” (as-Syu'ara: 218 - 219)

Nabi ketika ditanya mengenai “Ihsan”:

“Bahawasanya engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, maka jika engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Ia melihat engkau.”

(Hadis riwayat Muslim)

Pengertian muraqabah sebagaimana yang dinyatakan oleh Al-Quran dan Al-Hadis ialah menghadirkan (merasakan) kebesaran Allah di setiap waktu dan keadaan seterusnya mendampingi kepada-Nya diketika tersembunyi ataupun secara terang-terangan.

Kaifiat (cara) muraqabah: Iaitu seorang mukmin mengamati dirinya sebelum beliau memulakan pekerjaan dan di pertengahan amalnya. Apakah gerakannya dalam mengerjakan amal ketaatan itu semata-mata untuk kepentingan dirinya atau mencari puji-pujian dan kemasyhuran nama, atau

⁴ Pengertian-pengertian ini dipetik daripada beberapa ayat dalam surah Al-Isra'.

apakah geraknya untuk beramal itu semata-mata untuk mencari keredaan Allah dan kurnia balasan-Nya.

Sekiranya amalan yang hendak dilakukannya itu adalah semata-mata kerana Allah, ia akan terus melakukannya. Tetapi sekiranya amalan tersebut adalah semata-mata untuk kepentingan hawa nafsunya, ia tidak akan melakukannya. Seterusnya beliau memperteguhkan niat dan keazaman bahawa ia hanya melakukan sesuatu ketaatan pada setinggi-tinggi tingkat keikhlasan, kesungguhan dan semata-mata untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.

Demi kehidupanku, inilah dia keikhlasan yang sebenarnya, kesungguhan yang sejati dan pembebasan yang menyeluruh daripada kegelinciran ke lembah kemunafikan dan keriaan. Al Imam Hassan Al-Basri telah berkata: “Allah merahmati seorang hamba yang melakukan sesuatu berdasarkan niatnya, sekiranya (niat tersebut) semata-mata kerana Allah ia akan melakukan hal tersebut, akan tetapi sekiranya untuk selain daripada Allah ia akan meninggalkannya.”⁵

Terdapat beberapa jenis muraqabah kepada Allah: “Muraqabah kepada-Nya ketika melakukan ketaatan ialah dengan melakukan amal tersebut, dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan, muraqabah kepadanya dalam meninggalkan perkara maksiat ialah dengan taubat, penyesalan dan terus meninggalkannya, muraqabah kepada-Nya dalam melakukan perkara harus ialah dengan memelihara segala tatasusila dan bersyukur atas segala nikmat-Nya. Manakala muraqabah kepada-Nya ketika ditimpa musibah ialah menerima (musibah tersebut) dengan kerelaan kepada penentuan Allah dan dengan penuh kesabaran.

Dan pada penilaianku, saudaraku pendakwah! Sesungguhnya apabila engkau bermuraqabah kepada Allah sehingga ke tahap ini dengan penuh perhatian dan penumpuan yang penuh kepada-Nya, kemudian engkau berazam untuk terus mendampingi-Nya serta engkau memberikan sepenuh ketekunan untuk tetap mendekati-Nya. Maka sesungguhnya, engkau tidak diragui lagi –sedikit demi sedikit mahu ke arah ketakwaan, berjalan engkau di jalan kerohanian dan sampai engkau ke suatu lingkungan perhentian di tingkatan para muttaqin yang dilimpahi dengan kebajikan.

3. Muhasabah

Asasnya terkandung dalam firman Allah s.w.t., dalam surah Al-Hasyr:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang telah lepas dari amalan-amalannya untuk hari

⁵ Dipetik daripada buku “Mukhtasar Minhaj al-Qasidin” oleh Ibn Qudamah hal. 400

esok (akhirat) dan sekali lagi diingatkan, bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuan akan segala yang kamu kerjakan.” (Al-Hasyr: 18)

Pengertian muhasabah ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh ayat di atas, iaitu seseorang mukmin kembali menghisab (menghitung) dirinya setelah mengerjakan amal. Apakah tujuan dan matlamatnya dalam ia beramal itu. Adakah semata-mata kerana Allah? Ataupun apakah amal tersebut diresapi oleh keriaan? Atau apakah ia ada melakukan sebarang perkara yang ditegah Allah (dosa) di kelapangan siangnya? Dan apakah ia telah menunaikan segala hak-hak Allah ke atas nya juga hak-hak manusia?

Ketahuilah saudaraku pendakwah! Adalah sepatutnya bagi seorang mukmin untuk mengadakan baginya satu waktu yang khusus dipermulaan siangnya di mana di waktu tersebut ia berjanji pada dirinya sendiri untuk memperbetulkan niatnya, berterusan di setiap waktu dalam ketaatan, menunaikan segala kewajipan seterusnya membebaskan diri dari riak. Demikian juga adalah patut baginya untuk mengadakan satu waktu di akhir harinya di mana di waktu tersebut beliau mengasingkan dirinya. Beliau menghisab keseluruhan amalannya. Dalam pada itu sekiranya didapati dalam amalannya kebaikan, beliau terus memuji Allah kerana menunjukinya jalan yang betul serta mentaufikinya. Beliau di ketika tersebut memohon kepada Allah menetapkan hatinya untuk terus melakukan ketaatan dan meningkatkan amalannya. Sebaliknya jika beliau mendapati amalannya tidak menepati seperti yang di atas, (maka ia bertaubat kepada Allah, menyesali serta memohon keampunannya dan berjanji tidak akan mengulanginya. Beliau juga bermohon kepada Allah agar memeliharanya daripada melakukan dosa serta mengakhiri kehidupannya dengan ‘husnul khatimah’ (kesudahan yang baik)

Semoga Allah meredai baginda Umar Al-Faruq ketika baginda menyatakan:

“Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab, timbangilah (amalan kamu) sebelum kamu ditimbang dan bersedialah untuk hari pengadilan yang Maha Besar.”

Allah berfirman:

“Pada hari (amalan) kamu dibentangkan dan tidak disembunyikan dari kamu.”⁶ (Al-Haqqah: 18)

Hakikat muhasabah: Perbandingannya adalah sebagaimana adatnya seseorang peniaga yang beriman meneliti modalnya, keuntungannya serta kerugiannya untuk ia mengetahui sejauh mana pertambahan (keuntungannya) serta kekurangannya (kerugiannya).

⁶ Dinukil daripada kitab “Mukhtasar Minhaj al-Qasidin.”

Maka modalnya ialah: Islam serta apa yang terkandung di dalamnya sama ada berupa perintah atau larangan juga segala kewajipan berserta hukum-hukum.

Keuntungan pula ialah: dengan melakukan ketaatan dan meninggalkan larangan.

Manakala kerugian pula ialah dengan melakukan dosa dan maksiat.

Dalam pada itu ketika mana seorang mukmin mengamati segala modalnya, menilai keuntungan dan kerugian, seterusnya bertaubat kepada Allah terhadap segala kesilapan yang dilakukannya serta mengusahakan segala perbuatan yang dilakukannya adalah berupa kebaikan. Tergolonglah beliau ke dalam mereka yang menghisab diri mereka sebelum mereka dihisab, menimbang diri mereka sebelum mereka ditimbang. Seterusnya mengamati apa yang disediakan oleh mereka untuk hari esok (akhirat).

Dan pada penilaianku, saudaraku pendakwah! Apabila engkau sentiasa menghisab diri engkau di atas amalan-amalan yang engkau kerjakan sama ada kecil atau besar serta mengikat satu keazaman untuk mengadakan bagi diri engkau, satu waktu di akhir hari di mana di ketika tersebut engkau bersendirian bersama tuhanmu dan merenungi apa yang disediakan untuk hari yang akan datang. Maka sesungguhnya engkau tidak diragui lagi – sedikit demi sedikit maju ke arah ketakwaan, berjalan engkau di jalan kerohanian dan sampai engkau di suatu lingkungan perhentian di tingkatan para muttaqin yang dilimpahi dengan kebajikan.

4. Mu'aqabah (deraan)

Asasnya terkandung dalam firman Allah dalam surah Al-Baqarah:

“Dan dalam hukuman qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertakwa.” (Al-Baqarah: 179)

Definisi mu'aqabah (deraan) sebagaimana yang dinyatakan oleh ayat di atas, seseorang mukmin apabila ia meneliti dan menghisab dirinya, lalu ia mendapati kekurangan pada amalannya atau ia telah melakukan dosa adalah tidak sepatutnya beliau mengenyepikannya begitu sahaja apa yang telah dilakukannya. ini kerana dengan sifat menganggap mudah terhadap dosa yang dilakukannya akan mendorongnya untuk kembali melakukan dosa serta menyukarkannya untuk meninggalkan kemaksiatan. Bahkan sepatutnyalah beliau mengenakan satu hukuman (deraan) ke atas dirinya dengan daaran yang diharuskan sebagaimana beliau mendera keluarga dan anak-anaknya. Dalam konteks ini, daaran ini bertindak sebagai penghalang kepadanya untuk melakukan dosa, seterusnya membawa kepada ketakwaan dan ke suatu kehidupan yang penuh dengan kelebihan dan kesejahteraan.

Ketika mana kita menyatakan: “Sudah sepatutnyalah beliau mengenakan satu hukuman ke atas dirinya dengan daaran yang diharuskan”, kenyataan ini ialah untuk mengelakkan serta berhati-hati melakukan daaran

yang diharamkan seperti mendera dirinya dengan mengazabkan satu anggota badannya dengan menggunakan api, atau beliau mandi junub di satu lapangan yang terbuka di hari yang bersangatan sejuknya, atau beliau menghalang dirinya dari makan dan minum dalam bentuk yang boleh memberikan kemudahan kepada dirinya. Deraan seperti yang disebutkan di atas atau menyamainya adalah merupakan tegahan syarak yang mana terkandung dalam pernyataan firman Allah dalam surah Al-Baqarah:

“Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke lembah kebinasaan.” (Al-Baqarah: 195)

serta apa yang difahami dari firman Allah:

“Dan janganlah kamu membunuh diri-diri kamu, sesungguhnya Allah adalah amat mengasihi kamu.” (An-Nisa': 21)

Para salafus salih (Allah meredai mereka) telah memberikan contoh teladan betapa perilaku mereka dalam ketakwaan dan muhasabah mereka, serta kelaziman mereka mengenakan deraan ke atas diri mereka dengan deraan-deraan yang tertentu apabila berlaku pelanggaran dan kezaman mereka untuk melakukan ketaatan, sekiranya ada berlaku mereka mempermudah ketaatan tersebut. Kami tidak keberatan untuk mengutarakan beberapa contoh teladan.⁷

Diriwayatkan dari baginda Umar Al-Faruq:

Pada suatu ketika baginda telah keluar ke kebunnya dan kembalinya (daripada kebunnya) didapati orang ramai telah sembahyang asar lantas baginda berkata: “Sesungguhnya aku telah ke kebunku dan kembalinya aku dari sana, aku dapati orang ramai telah sembahyang asar! Kebunku itu adalah merupakan sedekah untuk orang-orang miskin.” Berkata Al-Laith: “Ini adalah kerana baginda telah luput sembahyang asar berjemaah.”

Juga diriwayatkan daripada baginda: Bahawa baginda telah disibukkan oleh suatu urusan di waktu maghrib sehingga keluar dia biji bintang, manakala selesai baginda bersembahyang, baginda memerdekakan dua orang hamba.⁸

Diriwayatkan dari sahabat yang mulia “Abu Talhah”: “Bahawasanya sedang ia sembahyang, hinggap berhampirannya seekor burung jambul (seperti burung layang-layang) lalu ia lalai dari sembahyangnya kerana asyik melihat burung tersebut sehingga beliau lupa bilangan rakaat sembahyangnya, lalu beliau menyedekahkan kebunnya sebagai hukuman ke atas kealpaannya dan kelalaiannya dari khusyu’.

Dan dari apa yang diriwayatkan oleh para perawi: Bahawa Tamim Ad-Dari r.a., telah tidur pada suatu malam dan beliau tidak bertahajjud pada

⁷ Contoh-contoh ini dinukil daripada kitab “Mukhtasar Minhaj al Qasidin.”

⁸ Maksudnya: Umar disibukkan daripada sembahyang maghrib pada awal waktu.

malam tersebut sehingga masuk waktu subuh dan sebagai hukuman atas kealpaannya ini beliau melazimkan (mewajibkan) dirinya untuk tidak tidur selama setahun dan beliau beribadat pada malam malam tersebut.

Suatu hari Hassan bin Sanan berjalan di hadapan sebuah rumah yang telah dibina lalu beliau berkata: “Bilakah rumah ini didirikan?” Kemudiannya beliau kembali menempelak dirinya dengan berkata: “Engkau telah menanyakan sesuatu yang tidak ada sangkutan dengan engkau! Akan aku derai engkau dengan berpuasa selama setahun.” Lalu beliau berpuasa sebagai balasan ke atas dirinya kerana menanyakan sesuatu yang tidak bersangkutan dengannya!”

Bukanlah merupakan satu bebanan bagi seorang pendakwah untuk bergerak mencontohi jalan para salafus salih dalam mereka memuhasabahkan diri mereka serta menderanya apabila didapatinya mengabaikan sebarang tanggungjawab serta kewajipan-kewajipannya terhadap Allah dan hamba-Nya, seperti mereka menghukum diri mereka dengan bersedekah mengikut kadar tertentu apabila berlaku kecuiaan misalnya dalam sembahyang berjamaah, atau menghukum diri mereka dengan berpuasa pada hari tertentu apabila malas untuk sembahyang tahajjud, atau menghukum diri mereka dengan mengerjakan sebilangan rakaat sembahyang sunat apabila berlaku kecuiaan dalam menziarahi sahabatnya yang ikhlas.

Pada penilaianku sesungguhnya apabila seseorang pendakwah menghukum diri mereka apabila berlaku sebarang kecuiaan sepertimana deraan-deraan di atas, maka sesungguhnya tidak diragui lagi bahawa beliau sedikit demi sedikit dengan pantas maju ke arah ketakwaan dan mempercepatkan perjalanannya di jalan kerohanian. Tanpa diragui lagi untuknya sampai di lingkungan tingkatan para muttaqin yang dilimpahi dengan kebajikan.

5. Mujahadah:

Asasnya terdapat di dalam firman Allah surah Al-Ankabut:

“Dan orang-orang yang berusaha dengan ber sungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami, sesungguhnya kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan kami (yang menjadikan mereka bergembira dan beroleh keredaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha memper baiki amalannya.” (Al-Ankabut: 69)

Pengertian mujahadah sebagaimana pengertian ayat di atas, iaitu seseorang mukmin apabila diselubungi oleh perasaan malas dan condong kepada keduniaan serta gagal untuk melaksanakan amalan sunat dan ketaatan di waktunya maka beliau sepatutnya berusaha agar dapat menunaikan perkara-perkara sunat lebih banyak dan yang dibuat sebelumnya. Beliau memaksa serta mewajibkan dirinya dengan penuh semangat untuk berterusan mengekalkan amalan tersebut. Hinggakan

kesemua amalan ketaatan yang merupakan paksaan pada awalnya, di suatu masa nanti akan menjadi kebiasaan dan sehati dalam dirinya.

Terdapat di sana contoh bagi para pendakwah untuk kebiasaan bermujahadah. Inilah apa yang ditunjukkan oleh junjungan baginda s.a.w., sebagaimana yang diriwayatkan daripada 'Aisyah bahawa Baginda Ar-Rasul berdiri di waktu malam (ber ibadat) sehinggakan bengkok-bengkok kaki baginda, lalu 'Aisyah bertanya:

“Untuk apakah ini semua sedangkan engkau sesungguhnya telah di ampunkan Allah terhadap apa yang telah dan akan engkau lakukan.

Lalu baginda menjawab;

“Bukankah aku merupakan seorang hamba yang bersyukur.”⁹

(Riwayat As-Syaikhhan)

Dan berkata 'Aisyah sepertimana yang diriwayatkan oleh As-Syaikhhan:

“Adalah Rasulullah s.a.w., apabila masuk sepuluh hari (dari bulan Ramadhan), maka baginda menghidupkan malam (sembahyang malam) dan membangunkan keluarganya serta bersungguh-sungguh beribadat dan tidak mencampuri isteri isterinya.”

Mujahadah dalam mengadap Allah dengan mengerjakan amalan sunat dan ketaatan kepada nya adalah merupakan gesaan dan suruhan baginda Ar-Rasul dalam kebanyakan hadis-hadis baginda, supaya para pendakwah serta para ulamak dan para pewaris nabi, adalah mereka yang mula-mula sekali mengamalkan serta sentiasa melakukannya.

Antara galakan dan gesaan baginda dalam hal ini ialah seperti apa yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Hurairah r.a.: Sabda Rasulullah s.a.w.:

“Dan tidak ada suatu perbuatan yang lebih menghampirkan diri seorang hamba kepada-Ku daripada apa yang aku fardukan ke atasnya dan ia akan terus mendekatkan dirinya kepadaku dengan melakukan amalan sunat sehingga Aku mencintanya. Maka apabila aku mencintainya, akulah pendengarannya yang mana ia mendengar dengannya, penglihatannya yang mana ia melihat dengannya, tangannya yang memukul dengannya dan kakinya yang ia berjalan dengannya. Sekira ia meminta aku nescaya tunaikannya dan sekiranya ia meminta perlindungan maka aku lindunginya.”

Muslim meriwayatkan dari Abu Firas bahawa beliau berkata:

“Aku telah bermalam bersama Rasulullah s.a.w. Aku bawakan untuknya air wuduk dan segala hajatnya. Baginda bersabda, “Mintalah

⁹ Iaitu Bukhari dan Muslim.

dariku". Lalu aku berkata, "Aku meminta dari dikau untuk menjadi temanmu di dalam syurga. Jawab baginda, "Atau adakah yang lain." Aku berkata, "Itu sahaja." Lalu baginda bersabda, "Bantulah aku supaya aku menolong engkau dengan memperbanyakkan sujud."

Juga diriwayatkan oleh Tirmizi dan Abu Sofwah bahawa ia berkata Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

"Sebaik-baik manusia ialah mereka yang panjang umur mereka dan baik pula amalan mereka."

Berpandukan dari hadis-hadis nabawi ini, bangkitlah ke arah bermujahadah dan mengendalikan diri di atas ketaatan dan taqarrub kepada Allah. Di mana perkara salafus salih telah berterusan melalui jalan mujahadah, melatih diri mereka di atasnya, setiap kali mereka dapati diri mereka malas atau gagal dalam menunaikan kewajipan mereka kepada Allah walaupun ianya merupakan perkara sunat, mereka bangkit dari tidur mereka dengan penuh kesungguhan dan keazaman lalu terus bergerak kepada Allah dalam keadaan bertaubat dan penuh khusyu' kepada-Nya. Sehingga mereka sampai ke setinggi martabat keyakinan, tenang hati dengan tiupan bayu keimanan, mereka dapati dalam jiwa mereka kemanisan beribadah dan kelazatan bermunajat.

Untukmu saudaraku pendakwah, sebahagian daripada jejak langkah dan khabar-khabar mereka:¹⁰

Disebut daripada Ibn Umar r.a., bahawa beliau telah lalai dari sembahyang berjamaah. Oleh itu sebagai deraan ke atas kealpaannya beliau sembahyang keseluruhan malam tersebut.

Berkata kalangan salaf: "Adalah aku apabila aku dapati diriku lembab dalam beribadah, aku melihat ke muka "Muhamad bin Wasi" dan kepada ijtiadnya lalu aku beramal (dengan ijtiadnya) selama seminggu."

Adalah "Amir bin Abd Qais" sembahyang seribu rakaat setiap hari.

Begitu juga "Al-Aswad bin Yazid, "berpuasa sehingga pucat mukanya keletihan"

Ketika Haj "Masruq" tidak tidur melainkan bersujud."

Adalah "Karazun bin Wabarah," mengkhatamkan Al-Quran tiga kali sehari.

"Abu Muhammad Al-Jariri," tinggal di Makkah selama setahun, beliau tidak tidur, tidak bercakap dan tidak meluruskan kakinya. Abu Bakar Al-Kitani berkata, "Dengan apakah engkau mampu atas semua ini," lalu ia berkata: "Allah mengetahui kebenaran hatiku, lalu ia membantu (memberikan kekuatan) kepada anggota zahirku."

¹⁰ Dinukil daripada kitab "Mukhtasar Minhaj Al-Qasidin".

Seorang perempuan masuk “ke tempat ibadah” lalu ia berkata-kata kepada dirinya dengan lemah lembut: “Sesungguhnya ia merupakan hari yang cepat (berlalu kehidupan di dunia), barangsiapa yang terluput (dari mengerjakan) sesuatu tidak akan menjumpainya esok. Demi Allah wahai saudara-saudaraku! Aku akan bersembahyang kerana Allah yang mana ini akan menyedikitkan pergerakan anggota badanku. Akan aku berpuasa kerana-Nya dalam hari-hari kehidupanku dan akan aku menangis sebanyak mana kandungan air mata ku!

Inilah dia segelintir daripada limpahan galakan yang disebut daripada mujahadah mereka yang begitu tinggi serta ibadah dan ketaatan mereka yang mulia.

Sekiranya tidak wujud di kalangan para salafus salih melainkan jejak langkah dan kemuliaan-muliaan (mujahadah mereka) ini akan memadailah berita-berita ini sebagai kebanggaan, kemuliaan dan kekalnya mereka di sepanjang zaman. Kepada mereka yang sentiasa membawa diri mereka di atas jalan mujahadah, hendaklah mereka ini meneliti dua perkara penting:

Pertama – janganlah ibadat sunat dilakukan sambil melalaikan hak-hak orang lain. Umpamanya seseorang itu menunaikan kewajipan terhadap Allah dalam perkara-perkara sunat tetapi mengabaikan nafkah untuk ahli keluarganya, dan hak-hak terhadap dirinya (keperluan fitrah kehidupannya) sepertimana yang digariskan oleh Rasulullah s.a.w.

“Sesungguhnya di atas diri engkau ada kewajipan kepada Allah, begitu juga engkau berkewajipan ke atas diri engkau sendiri dan ahli keluarga engkau. Oleh itu berikanlah hak-hak kepada mereka yang berhak.”

(Riwayat Bukhari)

Kedua – Seseorang itu tidak memberatkan dirinya dalam mengerjakan perkara sunat melebihi tahap kemampuannya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w., yang diriwayatkan oleh Syaikh:

“Berpegang teguhlah kepada amalan-amalan yang kamu mampu melakukannya, kerana demi Allah! Allah tidak akan jemu dalam sesuatu sehinggalah kamu jemu.”

Apabila terdapat di kalangan para salafus salih mereka yang mengerjakan amalan-amalan sunat dengan kadar bilangan yang diluar batasan akal (manusia berkemampuan melakukannya), ini adalah merupakan kemungkinan penanggungan sama ada mereka bertujuan untuk menjauhkan diri mereka dari hawa nafsu yang sentiasa mendorong ke arah kemewahan dan pelanggaran atau pun untuk mencapaj keredaan Allah dalam waktu yang singkat ini (semasa hidup). Kemungkinan juga anugerah Allah kepada mereka yang berupa tenaga kekuatan untuk melaksanakan kesemua ini serta kesanggupan untuk bermujahadah di samping melaksanakan keseluruhan kewajipan-kewajipan yang lain. Mungkin terdapat kemungkinan-kemungkinan serta andaian-andaian yang lain yang boleh kita andaikan untuk mereka ini.

Pada penilaianku, saudaraku pendakwah! Bahawa apabila engkau mengusahakan diri engkau dengan mujahadah yang sebegini dan melalui jalan yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w. serta mengikuti jejak langkah para salafus salih, maka sesungguhnya engkau tidak diragui lagi sedikit demi sedikit maju ke arah ketakwaan, berjalan engkau di jalan kerohanian dan tiba engkau ke suatu sudut perhentian di tingkatan para muttaqin yang dilimpahi dengan kebajikan.

Demikianlah saudaraku pendakwah! Sepenting-penting jalan untuk menyucikan roh ketakwaan, menyuburkannya di dalam hati dan jiwa para mukmin serta dapat disebatikan di dalam perasaan dan kesedaran mereka:

Melalui perjanjian – kamu beristiqamah di atas syariat Allah.

Dengan muraqabah – kamu merasakan keagungan Allah ketika nyata dan tersembunyi.

Dengan muhasabah – kamu membebaskan diri kamu dari kejelekan nafsu dan menunaikan segala kewajipan terhadap Allah dan hamba-Nya.

Dengan mu'aqabah – kamu memisahkan diri kamu dari sebarang kesilapan dan menggerakkannya di atas sikap muraqabah dan muhasabah.

Dengan mujahadah – kamu membaharukan bagi diri kamu sifat kecergasan dan menghapuskan darinya segala keinginan kepada keduniaan.

Bahkan dengan keseluruhan jalan-jalan ini, ketakwaan adalah merupakan satu kebiasaan bagi kamu dan satu tingkah perlakuan yang asal dan segala tingkah perlakuan kamu.

Bahkan dalam pada itu sampailah kamu dengan kehendak Allah juga kepada naungan kemuliaan, kemuncak kebaikan dan setinggi-tinggi martabat.

Bahkan juga dalam percakapan kamu terdapat qudwah contoh ikutan, dalam tindakan kamu terdapat contoh teladan dan kamu adalah contoh terbaik bagi sebuah kerohanian.

Sokongan-sokongan yang memperteguhkan kerohanian:

- i. sokongan yang berkisar serta berkaitan dengan perasaan kejiwaan.
- ii. sokongan yang berkaitan serta berhubungan dengan perkara-perkara praktikal.

Sokongan-sokongan yang berkisar serta berkaitan dengan perasaan kejiwaan antaranya ialah:

- sentiasa bermuraqabah kepada Allah.
- sentiasa mengingati kematian serta rentetan peristiwa yang akan berlaku selepasnya.
- meneliti serta merenungi hari akhirat dan keadaan-keadaannya.

Sesuatu yang tidak perlu diragui lagi, yaitu dengan wujudnya satu kesedaran di dalam jiwa dan pemikiran para pendakwah terhadap perkara-perkara yang dinyatakan di atas, yang mana keseluruhan perkara-perkara inilah yang akan sentiasa melindungi mereka untuk tetap berada bersama manhaj yang rabbani di segi fikrah dan pelaksanaan. Di samping itu menjauhkan mereka dari melakukan perkara-perkara maksiat. Seterusnya mereka adalah merupakan golongan yang sentiasa memperbaiki amalan mereka dan penuh ketelitian terhadap amalan tersebut, menegakkan kebenaran dan mempertahankannya berjuang dengan penuh keazaman dan kesungguhan di medan pengislahan dan taghyir (pembaikan dan perubahan).

Perlu bagi kita untuk membentangkan walaupun sedikit setiap pengertian perkara-perkara di atas yang merupakan sokongan yang menyuburkan kerohanian para pendakwah serta menjadikan mereka (jika mereka menghayati dan melaksanakannya) seorang insan yang rabbani, lelaki yang dilimpahi dengan kebajikan, seorang hamba Allah yang salih serta bersih jiwanya, seorang pendakwah yang hanya menyeru kepada Allah. Beliau adalah yang meninggalkan kesan dalam ummah, menjadi sebutan di dalam sejarah, dan kepada generasi-generasi atau satu contoh teladan.

Kesentiasaan Bermuqarabah Kepada Allah

Cukuplah bagi seorang pendakwah ketika mana terniat di hatinya untuk melakukan sesuatu kerja, mengiktikadkan di dalam lubuk perasaannya bahawa Allah adalah bersamanya mendengar dan melihatnya, mengetahui rahsia-rahsianya, juga mengetahui kejahatan penglihatan dan apa yang di sembunyikan di dalam dada sebagaimana sabda junjungan (selawat dan salam ke atasnya) ketika mana ditanya mengenai “ihsan” iaitu:

“Engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, sekiranya engkau tidak melihat Nya maka sesungguhnya Ia melihat engkau.”

(Riwayat Muslim)

Dengan inilah sesungguhnya para pendakwah telah menghampiri dan bermuqarabah kepada Allah setiap masa lalu lantaran itulah juga yang mengelakkan akhlaknya, memperbaiki amalannya, meneguhkan rohaninya dan adalah beliau meningkat ke tingkat kesempurnaan.

Dan kepadamu saudaraku pendakwah beberapa contoh hasil dan sentiasa bermuqarabah kepada Allah dalam jalan kehidupan, muamalah dan akhlak:

i. Al-Imam Al-Ghazali meriwayatkan di dalam *Ihya'* bahawa Yunus bin Ubaid mempunyai beberapa pakaian yang berbeza harganya. Antaranya yang bernilai setiap satu 400 dirham dan yang bernilai 200 dirham. Beliau pergi menunaikan sembahyang dan meninggalkan anak saudaranya menjaga kedainya. Lalu datang seorang Badwi dan meminta pakaian yang bernilai 400 dirham. Lantas diberikannya pakaian yang bernilai 200 dirham. Badwi tersebut mendapatinya elok dan ia menyukainya lalu dibelinya dengan harga tersebut (400 dirham). Badwi tersebut beredar dan membimbit pakaian tersebut di tangannya. Kemudian beliau terserempak dengan Yunus dan Yunus mengetahui yang pakaian tersebut adalah dari kedainya. Beliau bertanya Badwi tersebut, “Dengan harga berapakah engkau membeli pakaian ini?” Lalu dijawab oleh Badwi tersebut dengan harga 400 dirham. Yunus berkata: “Harga baju ini tidak lebih dari 200 dirham maka pulangkan supaya dikembalikan duitnya. Badwi tersebut berkata, “Di negeri kami pakaian ini bernilai 500 dirham dan dalam pada itu aku meredai harga ini.” Lantas Yunus berkata kepada Badwi tersebut, “Ayuh bersamaku, sesungguhnya nasihat di dalam agama lebih baik daripada dunia dan segala isinya.” Kemudian diajaknya Badwi tersebut kembali ke kedainya dan dipulangkan kepadanya 200 dirham. Anak saudaranya membantahnya dan mengutuknya. Yunus berkata, “Tidakkah engkau malu? Tidakkah engkau bertakwa kepada Allah mengambil untung dengan harga yang sedemikian dan

meninggal nasihat untuk orang-orang Islam.” Anak saudaranya berkata: “Demi Allah aku tidak mengambilnya melainkan ia meredainya.” Yunus menempelak anak saudaranya, “Tidakkah engkau meredai untuknya dengan apa yang redai untuk dirimu sendiri?”

ii. Kata Abdullah Bin Dinar: Saya berangkat dengan Umar bin al Khattab menuju Makkah, lalu kami berhenti di suatu tempat di pertengahan jalan dan kami bertemu dengan seorang pengembala yang turun dari bukit. Umar berkata kepadanya, “Hai pengembala, juallah seekor kambing.” Pengembala itu menjawab, “Saya ini hamba.” Umar berkata untuk mengujinya, “Katakanlah kepada tuanmu, bahawa kambing itu dimakan serigala.” Pengembala itu menjawab, “Tetapi dengan Allah bagai mana?” Umar menangis mendengarkan perkataan pengembala tadi. Kemudian Umar pergi bersama pengembala itu, lalu hamba itu dibelinya dan tuannya dan dimerdekakannya. Umar berkata kepadanya, “Kalimat inilah yang telah menyebabkan engkau merdeka di dunia dan aku mengharapkan kalimat itu juga yang memerdekakan engkau di hari akhirat kelak.”

iii. Kebanyakan daripada kita mungkin telah mengetahui kisah seorang ibu dengan anaknya:

Kisah si ibu yang mahu mencampurkan susu dengan air kerana mengharapkan keuntungan sedangkan anak perempuannya memperingatkan kepadanya larangan Amirul Mukminin. Ibu berkata: “Bukankah Amirul Mukminin itu jauh dari kita? Sudah tentu dia tidak melihat kita.” Anak perempuannya itu menjawab dengan tegas, “Kalau sekiranya Amirul Muk minin tidak melihat kita, maka Tuhan Amirul Mukminin tetap melihat kita.”

iv. Ini pula kisah seorang wanita di zaman Saidina Umar al-Khattab r.a, ketika mana ia telah pun ditinggalkan oleh suaminya dalam jangka masa yang lama Dia telah diselubungi oleh rasa pilu dan rindu serta rasa kesunyian berseorangan. Sementara darah kewanitaannya pula telah mengalir ke segenap urat sarafnya dan suara batinnya menjerit dengan ungkapan yang penuh kerinduan. Tiada sesuatupun yang menghalangnya daripada memenuhi tuntutan nafsunya itu kecuali benteng keimanan dan muraqabah yang berkekalan ke hadrat Allah s.w.t.

Pada suatu malam yang sunyi sepi Saidina Umar telah mendengar ia mengalunkan lagu rindu seperti berikut:

Malam ini begitu panjang dan tepi langit begitu hitam, Sudah lama aku tiada kawan yang dapatku bersenda gurau, Demi Allah! Kalau tidak kerana semata-mata takutkan Allah, tentulah kaki-kaki katil ini sudah bergoyang-goyang.

Pada hari yang berikutnya Saidina Umar telah masuk menemui anaknya Habshah dan bertanya kepadanya: “Berapa lamakah seorang isteri itu boleh bersabar ke atas suaminya?” Habshah berkata: “Empat bulan.”

Maka Saidina Umar telah mengutuskan perutusan kepada para panglima tenteranya di barisan pejuang dan pahlawan Islam dengan suatu arahan kepada mereka: Janganlah mereka menahan tentera Islam itu daripada ahlinya lebih daripada empat bulan!

Kisah ini menggambarkan pertentangan yang hebat di antara perasaan perempuan ini dengan rasa takut terhadap Allah. Di antara dorongan dorongan yang kuat kepada dosa dan kejahatan. Walau bagaimanapun semua dorongan itu telah berjaya dipadamkan dengan kekuatan iman dan men anglah keimanan itu.

Mengingati kematian dan rentetan peristiwa selepasnya:

Tidak diragui lagi seorang mukmin itu ketika mana beliau mengingati kematian, pasti akan menemuinya, menyedari bahawa beliau akan dipersoalkan setiap amalannya sedang beliau keseorangan. Sesungguhnya tempat persemadiannya itu sama ada taman dan taman-taman syurga ataupun jurang dan jurang-jurang neraka. Seseorang mukmin ketika mana menyedari serta mengingati kesemua ini, menginsafi serta menghayati di pemikirannya, pastilah hatinya akan merasai ketakutan kepada Allah. Lalu sentiasa memuraqabahkan dirinya kepada Allah diketika terang dan tersembunyi. Bahkan dalam pada itu juga ia akan menjuruskan seluruh tindakannya ke arah amal salih sebagai persediaan serta bekalan untuk hari yang dijanjikan ini. Semoga ia akan berada di kalangan mereka yang Allah limpahkan nikmat ke atas mereka iaitu golongan para-para nabi, siddiqin, syuhadak dan sebaik mereka yang dibuat teman.

Tidak ada yang lebih baik dan apa yang di katakan oleh sesetengah mereka:

Berbekallah untuk peristiwa yang pasti berlaku. Maka sesungguhnya maut itu ketentuan bagi seorang hamba. Relakah engkau untuk menjadi teman pengiring bagi suatu golongan yang bagi mereka penuh bekalan, sedangkan engkau tanpa bekalan.

Ekoran daripada ini Rasulullah s.a.w memerintahkan umat ini untuk memperbanyakkan mengingati kematian dan pemutus kelazatan. Di riwayatkan oleh Tirmizi dari Abu Hurairah r.a, sabda Nabi s.a.w:

“Perbanyakkanlah mengingati perkara yang menghilangkan kelazatan – iaitu mati.”

Seterusnya Baginda s.a.w. memerintahkan untuk menziarahi kubur dan menyatakan faedahnya.

Muslim meriwayatkan dari Buraidah r.a berkata: Sabda Rasulullah s.a.w:

“Adalah aku (sebelum ini) menegah kamu dan rnenziarahi kubur, maka ziarahilah.”

Dalam suatu riwayat yang lain:

“Maka barangsiapa yang hendak menziarahi kubur maka ziarahilah! Maka sesungguhnya ia mengingatkan kepada akhirat.”

Lantaran ini jugalah baginda ar-Rasul mendidik para sahabatnya untuk bersedia menghadapi maut supaya mereka tidak dilalaikan oleh angan-angan. Bukhari meriwayatkan dari Ibn Umar r.a berkata: Rasulullah memegang dua bahunya lalu bersabda.

“Hendaklah engkau berada di dunia seperti mana engkau seorang pedagang ataupun perentas jalan (pengembara).”

Ibn Umar berkata:

Apabila engkau berada di waktu petang janganlah menunggu sehingga waktu subuh, dan apabila engkau di waktu subuh janganlah menanti hingga waktu petang, gunakanlah masa sihatmu sebelum engkau sakit dan masa hidup engkau sebelum engkau mati.

Daripada ini jugalah baginda ar-Rasul s.a.w menyuruh seseorang muslim bersegera menulis surat wasiat sebagai persediaan untuk “hari Perjalanan”. As- Syaikh meriwayatkan dan Ibn Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

“Tidak ada yang paling penting bagi seseorang muslim baginya sesuatu yang diwasiatkan dan ia tidak akan tidur dua malam berturut-turut melainkan di sisinya wasiat yang ia tuliskan.” berkata Ibn Umar: “Tidak aku lalui suatu malam pun semenjak aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda yang demikian melainkan di sisiku wasiatku.”

Seterusnya baginda mengibaratkan mereka yang sentiasa mengingati maut sebagai mereka yang paling berakal di kalangan manusia dan paling mulia di kalangan mereka. Diriwayatkan dan Abi Dunya dan At-Tabarani, Ibn Majah dan Baihaqi dan Ibn Umar bahawa seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w, mukmin yang manakah paling cerdik?” Sabda Nabi:

“Yang paling banyak mengingati mati dan paling baik persediaan mereka selepas mati. Mereka itulah yang paling cerdik.”

Pada salafus salih adalah merupakan mereka yang paling banyak mengingati kematian dan mengambil pengajaran darinya.

Adalah Ibn Umar r.a apabila mengingati ke matian dan keadaan-keadaannya, ia menjadi tidak tenang seperti burung yang sedang berkibas dan tiap-tiap malam beliau mengumpulkan fukaha' lalu mereka saling ingat kematian dan hari Kiamat. Setelah itu mereka menangis seolah-olah mereka menangisi satu kematian.

Hamid al-Qusairi berkata: “Setiap kita meyakini kematian, tetapi kita tidak membuat sebarang persediaan terhadapnya. Setiap kita juga meyakini

dengan syurga tetapi tidak kelihatan kita melakukan sebarang amalan. Dan setiap kita meyakini dengan neraka akan tetapi kita tidak kelihatan takut kepadanya. Apakah yang menyebabkan kamu bergembira? Tidakkah ingatan dan harapan kamu kepada kematian itu merupakan perkara yang pertama-tama sekali mengingatkan kamu kepada suruhan Allah sama ada dengan melaksanakan kebaikan atau menghindari kejahatan. Wahai saudaraku, berjalanlah kamu kepada tuhanmu dengan jalan yang sebaik-baiknya.”

Berkata Hassan al-Basri: Maut membongkarkan kecelaan dan keaiban dunia. Maka mereka yang berakal tidak akan tinggal di dalamnya dalam keadaan penuh kegembiraan. Dan tidaklah bagi seseorang hamba yang melazimkan (menetapkan) dirinya untuk mengingati kematian melainkan dia akan merasakan dunia ini begitu kecil dan segala yang ada di dalamnya adalah hina.

Diriwayatkan daripada Muzni, ia berkata:

Aku menemui as-Syafie ketika ia sedang sakit yang membawa kematian kepadanya. Aku berkata kepadanya: “Bagaimanakah keadaan engkau?” Lalu ia menjawab: “Aku akan menjadi seorang pengembara yang akan keluar dari dalam dunia ini. Dan kepada saudaraku, aku akan menjadi seorang yang akan dipisahkan dan mereka. Sementara segala amalan keburukan aku adalah penanggunganku (akibatnya) dan aku merupakan seorang yang amat mengharapkan untuk meminum gelas kerahmatan (Allah). Kepada Allahlah aku akan kembali. Tidak aku ketahui apakah rohku ini bergerak ke syurga lalu aku akan mengucapkan tahniah kepadanya, atau ke neraka yang aku tanggung (seksanya).” Kemudian beliau bernasyid:

“Bila jiwaku tidak bermaya lagi dan jalan hidupakan sudah menjadi buntu.

Maka aku menjadi harapan terhadap keampunanmu itu sebagai tangga.

Dosa memang telah menguasai diriku tetapi bila aku membandingkannya dengan keampunan-Mu, maka ianya (keampunan-Mu) itu adalah lebih besar.

Kamu (ya Allah) akan sentiasa memberi keampunan kepada yang berdosa.

Kamu bersifat pemurah dari segi pemberian, dan pengampun dari segi memberikan kemuliaan dan penghormatan.”

Adalah Abu Darda' r.a. ketika ia sedang duduk di suatu kubur, maka ditanyakan kepadanya, apakah yang engkau buat di situ? Jawabnya:

“Aku sedang duduk di hadapan suatu kaum yang mengingatkan aku kepada tempat kembaliku. Bila mana aku menghilangkan diri daripada mereka (berpindah dan pergi ke tempat lain) mereka tidak akan mengumpat dan mencaci aku.”

Kata Maimun bin Mahran: Aku keluar her sama-sama dengan ‘Umar bin Abdul Aziz kepada suatu tanah perkuburan, maka apabila ia melihat kepada kubur itu lalu ia menangis. Kemudian ia datang kepadaku dan berkata: “Ini adalah kubur datuk nenek Bani Umaiyah, seolah-olah mereka itu tidak lagi bersama-sama menikmati kehidupan (kesenangan hidup dunia) dengan penduduk dunia. Apakah kamu tidak mendapati mereka yang telah mati itu telah ditimpakan kepada mereka azab-azab Allah, bencana-bencana serta telah berterusan mengongkangi hidup mereka, dan ditimpa pula kepada mereka penyakit-penyakit yang menyerang tubuh badan mereka?” Kemudian beliau menangis, seraya berkata: “Demi Allah, tiada yang aku ketahui seorang manusiapun yang mendapat kenikmatan yang banyak (lebih), kecuali daripada mereka yang sudah sampai ke kubur ini dan sudahpun terselamat daripada azab-azab Allah s.w.t.”

Lantaran itu, wahai pendakwah kepada Allah ingatlah kamu kepada mati dan perkara-perkara yang selepasnya, berbekallah kamu daripada pe labuhan dunia ni dengan amalan yang salih, dan sentiasa tingkatkanlah diri kamu di dalam tangga kerohanian, dan selamatlah kamu dengan sempurna, dan akhirnya kamu akan sampai kepadanya di bawah kelembutan keredaan Allah, dan bersedialah untuk hari yang akan kamu temui!

Pembentangan Hari Akhirat Serta Suasana Dan Keadaannya.

Tidak diragui lagi bagi seorang pendakwah yang beriman ketika mana dibentangkan kepadanya kedudukan-kedudukan yang diduduki oleh ahli syurga dan juga ahli neraka, ketika mana dijelaskan juga keadaan-keadaan mereka di mahsyar:

Iaitu ketika diletakkan timbangan, dibahagikan buku-buku catitan dan dibentangkan titian sirat, ketika mana dihadapkan keadaan mereka yang dapat memasuki syurga serta menikmati segala kenikmatan yang telah disediakan oleh Allah s.a.w. daripada nikmat-nikmat yang berkekalan dan juga dihadapkan keadaan mereka yang memasuki neraka dan disediakan Allah daripada berbagai seksaan yang pedih. Seorang pendakwah yang mukmin itu ketika mana telah dibentangkan segala keadaan ini, maka akan bertambahlah ketakutan dan kegerunannya terhadap Allah Penguasa Sekeliam alam. Bahkan semuanya itu akan mendorongnya untuk beramal kepada akhirat, serta menjadikan mereka dalam golongan yang diredai oleh Allah s.w.t dan mereka juga reda dengan-Nya. Mereka akan menjaga hari-hari yang berlalu dalam kehidupan mereka dengan kedudukan yang bertepatan dengan tuntutan Allah s.w.t agar mereka akan tergolong dalam kumpulan yang berjaya dan pada nabi-nabi dan siddiqin, para syuhada' dan salihin. Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik balasan kepada mereka.

KEPADAMU WAHAI SAUDARAKU PARA PENDAKWAH, AKAN DIJELASKAN BEBERAPA SUASANA ORANG-ORANG DI AKHIRAT

Manusia semuanya berkumpul dengan berkaki ayam dan bertelanjang. Riwayat Syaikhati daripada 'Aisyah r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda

Manusia pada hari mahsyar akan dikumpulkan dengan berkaki ayam dan bertelanjangan tanpa secebis pakaian (bertelanjang bulat), maka 'Aisyah berkata: "Aku bertanya, lelaki dan perempuan semuanya dapat melihat (kemaluan) setengah mereka kepada setengah yang lain?" Sabda Rasulullah s.a.w: "Perkara yang amat dahsyat ketika itu menjadikan mereka tidak mementingkan perkara itu."

Matahari menghampiri kepala-kepala makhluk.

Diriwayatkan oleh Muslim daripada al-Muqdam r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

Matahari akan menghampiri makhluk pada hari kiamat sehingga jadilah mereka yang jaraknya (dengan matahari) pada kadar satu batu. Maka adalah manusia pada ketika itu di dalam peluh mengikut kadar amalan mereka, maka sebahagian daripada mereka sampai kepada buku lali, dan daripada mereka ada yang sampai kepada betis, dan ada juga sebahagian daripada mereka sampai ke pusat, dan kedapatan juga daripada mereka yang ditenggelami oleh peluh keseluruhannya, dan Rasulullah s.a.w telah menunjukkan kepada mulutnya.

Bumi menjadi saksi kepada hamba di atas segala amalan yang telah dilakukannya.

Diriwayatkan daripada Ibnu Hibban di dalam sahihnya daripada Abi Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w telah membaca ayat ini:

“Pada hari itu bumi menceritakan beritanya.”

Kemudian baginda bersabda:

“Apakah kamu mengetahui apakah beritanya?” Para sahabat berkata: “Allah dan Rasulnya yang lebih mengetahui.” Maka sabda Rasulullah s.a.w: “Maka sesungguhnya beritanya itu ialah penyaksian ke atas setiap hamba lelaki dan hamba perempuan dengan apa yang telah dikerjakannya di atas muka bumi, (iaitu daripada kebaikan dan kejahatan) ia berkata: Amalan mi begini dan begini...”

TEMPAT, DI MANA SESEORANG ITU TIDAK AKAN MENGINGATI LAGI SESEORANG YANG LAIN

Riwayat Abu Daud dan Hakim daripada ‘Aisyah r.a berkata:

“Aku mengingat neraka kemudian aku menangis, maka bertanya Rasulullah s.a.w: “Apakah yang menyebabkan engkau menangis?” Aku berkata: “Aku mengingat neraka lalu aku menangis, maka adakah kamu akan mengingat ahli kamu pada hari kiamat?” Maka sabda Baginda: “Adapun pada tiga tempat, maka tiada seseorang pun yang akan mengingat seseorang yang lain.

Pertama: Ketika di sisi timbangan sehinggalah diketahui apakah timbangannya itu ringan atau berat?

Keduanya: Ketika buku catatan (suhuf) itu berterbangan mencari tuannya. Sehinggalah diketahui di manakah jatuhnya buku catatan tersebut, sama ada di kanan, di kiri atau di belakangnya?

Ketiga: Di sisi titian sirat. Apabila telah diletakkan di antara dua tebing neraka jahanam, sehinggalah ia telah dapat menyeberanginya dengan selamat.

Penyaksian anggota terhadap apa yang telah di kerjakan oleh setiap hamba-Nya

Muslim meriwayatkan daripada Anas berkata:

Adalah kami di sisi Rasulullah s.a.w, kemudian baginda ketawa lalu bersabda:

“Adakah kamu mengetahui tentang apakah yang telah berlaku aku ketawakan tadi?” Kami berkata: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Baginda bersabda: Tentang perbicaraan hamba dengan Tuhan-Nya. Maka kata hamba: “Wahai Tuhan, apakah engkau tidak akan menyelamatkanku daripada kezaliman?” Allah berfirman: “Bahkan!” Maka berkata pula hamba: “Sesungguhnya aku tidak akan membiarkan pada hari ini seseorang pun menjadi saksi ke atas diriku kecuali diriku sendiri.” Maka firman Allah kepadanya: “Cukuplah dengan diri engkau pada hari ini sebagai saksi dan Kiraman Klatibin akan menyaksikannya.” Kemudian sabda Rasulullah s.a.w. “Maka lalu di kuncilah mulutnya (hamba), dan dikatakanlah kepada anggota-anggotanya “Bercakaplah,” lalu anggota-anggota itupun menceritakanlah segala amalan yang dilakukan oleh tuannya, kemudian di biarkan hamba itu pula bercakap, maka katanya:

“Celakalah kamu semua (anggota), padahal aku telah berjuang untuk mempertahankan kamu (semasa hidup di dunia).”

Ini semua telah dijejaskan dalam surah Yasin:65

“Pada hari ini Kami tutup mulut mereka dan bercakaplah kepala, tangan mereka dengan kami mereka menaik saksi atas apa yang mereka lakukan.”

Neraka jahanam yang hitam gelap:

Tarmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi meriwayatkan daripada Abu Hurairah, daripada Nabi s.a.w bersabda:

“Api neraka telah dinyalakân selama seribu tahun, sehingga merah, kemudian dilanjutkan seribu tahun sehingga putih, kemudian dilanjutkan seribu tahun lagi sehingga hitam gelap, bagaikan malam yang gelap kelam.

Apa yang berlaku di lembah jahanam:

Ibnu Majah, dan Tarmizi dan Tabrani meriwayatkan daripada Ibnu ‘Abbas r.a daripada Nabi s.a.w bahawasanya Baginda bersabda:

“Sesungguhnya di dalam neraka jahanam itu suatu lembah yang mana neraka jahanam meminta perlindungan daripada lembah tersebut sebanyak 400 kali, yang disediakan untuk mereka yang sentiasa membantah daripada umat Nabi Muhammad s.a.w.”

Bagaimana dalamnya dasar jahanam:

Muslim meriwayatkan daripada Khalid ibnu Umair berkata: telah berkhotbah 'Utbah bin Ghazwan r.a, maka ia berkata:

“Sesungguhnya telah diceritakan kepada kami bahawasanya seketul batu telah dicampakkan dan pada tebing neraka jahanam, maka ia telah menenggelami ke dalamnya selama 70 tahun baharulah sampai kepada dasarnya, demi Allah ia akan dipenuhi Apakah kamu tidak takjub?”

Barang Yang ditempa oleh ahli neraka:

Ahmad, Abu Ya'Ja dan Hakim meriwayatkan daripada Nabj s.a.w bersabda:

“Kalaulah sekiranya ditempa daripada sedikit besi neraka jahanam lalu diletakkan di atas bumi, maka berkumpullah sekalian manusia dan jin untuk memindahkannya akan tetapi ianya tidak akan mampu untuk dipindahkan.”

Buruknya rupa ahli neraka:

Ibnu Abi Dunya meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amru r.a. berkata:

“Kalaulah sekiranya seseorang lelaki daripada ahli neraka dikeluarkan ke dunia maka matilah penduduk dunia lantaran pemandangannya yang menggerunkan, dan baunya amat busuk.”

Kemudian Abdullah menangis dengan tangisan yang kuat sekali.

Minuman ahli neraka:

Ahmad, Tarmizi dan al-Hakim meriwayatkan daripada Abi Umamah r.a. daripada Nabi s.a.w dalam menjelaskan firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dia akan diberi minum dengan air nanah, di minumannya air nanah itu.”
(Ibrahim: 16-17)

Sabda Baginda:

“Akan dihampirkan kepada mulutnya, maka apabila sudah dekat kepadanya maka hanguslah mukanya, dan apabila diletakkan di hadapannya maka tanggalkan kulit kepalanya, maka apabila ia telah meminumnya maka putuslah tali perutnya sehinggalah keluar daripada duburnya.

Firman Allah:

“Dan diberi air yang mendidih sehingga memotong-motong usus mereka (taliperut).” (Muhammad: 15)

dan firman-Nya

“Dan jika mereka meminta minum nescaya mereka akan diberi minum dengan air seperti besi yang mendidih yang menghanguskan muka. Itulah minuman yang paling buruk.” (al-Kahfi 29)

Makanan ahli neraka:

Tarmizi, Nasa'i dan Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas r.a bahawasanya Nabi s.a.w telah membaca ayat ini:

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepadanya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan kamu beragama Islam.” (Ali-Imran: 102)

Maka sabda Rasulullah s.a.w.:

“Kalaulah sekiranya setitik biji zakum itu menitis ke atas permukaan bumi ini nescaya akan binasalah kehidupan penduduk dunia, maka bagai manakah pula bagi sesiapa yang menjadikannya sebagai makanan?”

Besarnya ahli neraka:

Ibnu Majah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w bahawa ia bersabda:

“Sesungguhnya orang kafir (di neraka itu) begitu besar sekali sehinggakan giginya pun sebagai mana besarnya Bukit Uhud dan begitulah besarnya badannya pula ke atas giginya sebagaimana besarnya tubuh seseorang kamu daripada giginya.

Tangisan ahli neraka:

Ibnu Majah dan Abu Ya'la meriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a berkata: Sabda Rasulullah s.a.w:

“Akan berterusanlah tangisan ahli neraka itu, maka mereka akan menangis sehingga keringlah air mata, kemudian mereka akan menangis dengan tangisan darah pula sehingga muka-muka mereka menjadi sebagaimana parit-parit, kalaulah sekiranya dilayarkan kepadanya perahu-perahu maka akan hanyut.

KEADAAN-KEADAAN AHLI SYURGA

Cukuplah mereka dengan penuh kebanggaan dan kemuliaan, di mana Allah s.w.t telah menyediakan kepada mereka di dalam syurga daripada perkara-perkara yang mata tidak pernah memandangnya, telinga juga tidak pernah mendengar bahkan hati manusia tidak pernah terlintas (terbayangkannya).

Syaikh dan selain keduanya meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Aku (Allah s.w.t) telah menyediakan bagi hamba-hambaku yang salih perkara-perkara yang tidak pernah dipandang oleh mata, dan tidak pernah telinga mendengarnya dan tidak pernah terlintas oleh hati manusia, dan bacalah kalau kamu mahu firman Allah s.w.t”:

“Sesungguhnya tidak mengetahui apa yang disembunyikan untuk mereka (iaitu bermacam macam nikmat) yang menyedapkan pandangan mata sebagai balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.” (Al-Sajdah: 17)

Cukuplah mereka dengan ketinggian dan kemuliaan yang berkekalan di dalamnya selama lamanya, mereka tidak akan terkena penyakit, tidak juga menjadi tua dan tiada sebarang tegahan (sekatan).

Muslim dan Tarmizi meriwayatkan daripada Abi Sa’id al-Khudri r.a berkata: Sabda Rasulullah s.a.w

“Apabila ahli syurga masuk dalam syurga maka kedengaranlah seruan daripada penyeru: Sesungguhnya bagi kamu akan sentiasa sihat dan kamu tidak akan sakit selama-lamanya, bagi kamu akan sentiasa hidup maka kamu tidak akan mati selama-lamanya, bagi kamu akan sentiasa muda maka kamu tidak akan tua buat selama-lamanya dan bagi kamu akan sentiasa mendapat nikmat kemewahan, maka kamu tidak akan ditimpa kemiskinan (kesusahan) selama-lamanya.”

Begitulah firman Allah azza wajalla:

“Dan diserukan kepada mereka, ‘itulah syurga yang diwariskan kepadamu, disebabkan apa yang kamu kerjakan dahulu.” (Al-A’raf: 43)

Cukuplah mereka daripada sebarang keinginan (iri hati) dan kenikmatan-kenikmatan bagi mereka, tiada sesuatu yang diberikan amat disukai dan dikasihi oleh mereka selain daripada memandang kepada wajah Allah yang mulia.

Muslim, Tarmizi dan Nasa’i meriwayatkan daripada Suhib r.a berkata: Sabda Rasulullah s.a.w:

“Apabila ahli syurga masuk ke dalam syurga maka berfirmanlah Allah azza wajalla: Kamu hendak sesuatu maka aku akan tambahkan kepada karnu?” Maka mereka berkata: “Apakah tidak putih (bercahaya) muka-muka kami? Apakah kami tidak masuk syurga? Apakah kami tidak berjaya (lepas) daripada neraka?” Dikatakan: “Maka bukalah (singkaplah) hijab, maka tidak suatu perkara yang diberikan paling disukai oleh mereka selain daripada memandang kepada Tuhan mereka, kemudian bacalah firman Allah s.w.t ini.

“Bagi orang-orang yang membuat baik ada pahala yang terbaik dan tambahannya.” (Yunus: 26)

Maka setelah dibentangkan wahai saudaraku pendakwah – keadaan ahli kecelekaan di dalam neraka, keadaan ahli kebahagiaan di dalam syurga dan setelah engkau merenungi tempat kesudahan mereka di hari kegoncangan yang maha hebat, hari pembentangan yang sama sekali tidak tersembunyi daripada Allah suatu pun perkara-perkara yang rahsia, maka

sesungguhnya tidak syak lagi engkau akan menjadi khusyu', tunduk, ikhlas dan menyeru nama Allah dengan penuh semangat dan keghairahan, serta akan takut kepada Allah ketika sunyi atau berterangan seterusnya engkau akan meningkat ke darjat muttaqin yang berbakti.

Amalan-Amalan Dalam Menguat Serta Memperteguhkan Rohani.

Sesungguhnya di sana terdapat begitu banyak perkara-perkara amali dalam menguat serta memperteguhkan rohani, malah ianya meliputi segenap segi kehidupan manusia dan kami hanya memilih segi-segi yang paling penting dan paling utama sahaja dalam ruangan yang sempit ini.

Pertama - Memperbanyakkan bacaan Al-Quranul Karim dengan penuh tadabbur (perhatian) dan khusyu'.

Ini adalah kerana pembacaan yang sebegini merupakan suatu pembacaan yang menjadi penerang kepada pemikiran yang kusut dan penyembuh kepada dada yang kesakitan. Lantaran itu apabila seorang mukmin membiasakan dirinya membaca al-Qur'an dengan pembacaan yang perlahan-lahan, penuh dengan tadabbur (memperhatikan) dan khusyu', terbukalah kunci-kunci pintu hatinya, bersinar serta terserlahlah cahaya Al-Quranul Karim dan terasalah kemanisannya di seluruh pelusuk dirinya. Inilah seruan Allah s.w.t dalam firman-Nya di dalam surah Sad:

"Al-Quran sebuah kitab yang kami turunkannya kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad) kitab yang banyak faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang yang berakal sempurna dan mengambil iktibar." (Sad: 29)

Adalah Nabi s.a.w sentiasa berkekalan membaca al-Qur'an dan ia memohon kehadiran Allah s.w.t supaya menjadikan al-Qur'an itu sebagai penawar dan pelembut bagi Baginda, menjadi sinaran kepada penglihatannya serta penawar segala kekewaan dan dukacita Baginda s.a.w.

Nasa'i, Tarmizi dan Hakim meriwayatkan bahawasanya Nabi s.a.w berdoa:

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku adalah hamba-Mu, anak kepada hamba lelaki-Mu dan anak kepada hamba perempuan-Mu. Uzun-ubunku di tangan-Mu. Telah berjalan ketentuan-Mu di atasku dan Engkau Maha Adil dalam keputusan-Mu. Aku bermohon dengan semua nama bagi-Mu yang Engkau telah menamakan diri-Mu atau Engkau turunkannya di dalam kitab-Mu, ataupun yang Engkau ajarkannya kepada seseorang dari pada hamba-Mu, ataupun yang tersimpan dalam ilmu ghaib-Mu. Jadikanlah kepadaku al-Qur'an itu sebagai pelembut bagi hatiku, cahaya bagi penglihatanku, penawar bagi hatiku ketika berdukacita.

Dan tiada daya upaya melainkan dengan kekuatan Engkau sahaja Ya Allah.

Seterusnya cukuplah bagi kemuliaan al-Qur'an dan kebanggaan. Sesungguhnya ia memberikan syafaat pada hari kiamat nanti. Muslim meriwayatkan dari Abu Umamah r.a daripada Nabi s.a.w:

“Bacalah al- Qur'an, sesungguhnya ia datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacaan.”

Juga cukuplah bagi al-Qur'an segala kemuliaan dan kebesaran, sesungguhnya ia bersama malaikat kiramin bararah, As-Syaikh meriwayatkan dari 'Aisyah r.a berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w:

“Mereka yang membaca al-Qur'an dan ia mahir dalam bacaannya adalah bersama malaikat kiramin bararah dan mereka yang membaca al Qur'an dan ia gagap dalam bacaannya dan penuh kesusahan baginya dua ganjaran pahala.”

Memadailah bagi al-Qur'an pahala dan ganjaran bagi setiap huruf yang dibaca terdapat sepuluh ganjaran kebaikan. Tirmizi meriwayatkan bahawa Ibn Masud r.a berkata: Rasulullah bersabda:

“Sesiapa yang membaca satu huruf dan al-Qur'an maka baginya satu kebaikan dan kebaikan tersebut adalah bersamaan dengan sepuluh. Aku tidak mengatakan yang 'Alif, lam, mim' itu satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.”

Kadar bacaan harian berbeza menurut keadaan dan batasan tanggungan setiap akh pendakwah. Yang penting ialah tidak berlalu satu hari bagi seorang al-akh tanpa beliau membaca sedikit pun al-Qur'an.

Di sini dipaparkan kadar bacaan harian al-Qur'an yang diamalkan oleh salafus salih seperti apa yang dirakamkan di dalam kitab ma'thurat yang ditulis oleh Imam Al-Banna. Semoga para pendakwah akan mengama mana-mana amalan yang termampu oleh mereka.

1. Masa yang paling pendek mengkhatam al Qur'an ialah tiga hari. Adalah tidak disukai (makruh) seseorang Muslim mengkhatam al-Qur'an kurang dari tiga hari, juga adalah makruh untuk mengkhatam al- Qur'an lebih dari sebulan. Mereka menyatakan, sesungguhnya mengkhatam al-Qur'an dalam masa kurang dari tiga hari dengan suatu bacaan yang laju adalah suatu bacaan yang tidak memberikan suatu kefahaman dan tadabbur (renungan), manakala mengkhatam al-Qur'an lebih dari sebulan adalah merupakan perbuatan meninggalkan al-Qur'an.¹¹

Abu Daud, Tarmizi dan Ibn Majah meriwayatkan dari Abdullah bin Amru bin Al-As r.a berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

¹¹ Ulama' salaf menentukan batas maksima ini supaya mereka tidak tergolong dalam golongan yang berfirman oleh Allah s.w.t. sebagai telah meninggalkan al-Qur'an:

“Dan Rasulullah berkata: *Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjauhi al-Quran.*” (Al-Furqan: 30)

“Tidak akan faham seseorang yang membaca al-Qur’an dan mengkhatahkannya kurang dari pada tiga hari.”

Kadar pertengahan dalam mengkhatahkan al-Qur’an ialah seminggu sekali sekiranya mampu. Rasulullah memerintahkan Abdullah bin Amru untuk mengkhatahkan al-Quran sekali seminggu sebagaimana yang dinyatakan dalam sahih Bukhari dan Muslim. Demikian juga para sahabat r.a. lakukan seperti Osman bin Affan, Zaid bin Sabit, Abdullah bin Mas’ud dan Ubai bin Ka’ab.

Sekiranya seseorang Al-akh tidak mampu mengkhatahkan al-Qur’an setiap minggu kerana kerja yang banyak, hendaklah mengkhatahkan al-Qur’an mengikut kadar yang termampu olehnya asalkan tidak berlalu satu harinya tanya beliau membaca al-Qur’an. Kepada Allah kita mohon pertolongan dan ke pada-Nya kita memohon taufik.

Kedua – Mengiringi Nabi s.a.w dalam sirah (perjalanannya) yang harum.

Ini adalah kerana baginda merupakan contoh ikutan yang paling baik, pimpinan yang salihah dan contoh teladan yang sempurna bagi semua manusia di sepanjang zaman dan tempat. Benarlah firman Allah dalam surah surah Al-Ahzab ayat 21.

“Demi sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi mereka yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) han akhirat serta ia pula banyak menyebut dan mengingati Allah (dalam masa susah dan senang).”

Para pendakwah merupakan manusia yang paling utama untuk menjejaki kehidupan Nabi s.a.w di setiap sudut keagungannya, sama ada yang berkaitan dengan ibadah dan kezuhudannya atau yang bersangkutan dengan sifat tawaduk dan sabarnya atau yang khusus dengan kekuatan dan keberaniannya juga yang berhubungan dengan politik dan keteguhan baginda di atas prinsip.

Perkara mencontohi nabi yang paling jelas ialah bagaimana baginda menghimpunkan agama dan dunia, ibadah dan kehidupan, pembersihan (jiwa) dan jihad. Tegasnya baginda tidak mengabaikan suatu sudut pun dari ini.

Ustaz Abd. Rahman Azam menyatakan dalam kitabnya (Batd lu Ab Thal) muka surat 48: “Sesungguhnya perkara yang menjadi tumpuan pengamatan kita tentang kehidupan baginda s.a.w ialah himpunan sesuatu yang nampaknya asing iaitu himpunan (jalinan) antara ibadahnya yang mencapai setinggi martabat dan pelaksanaannya terhadap urusan keduniaan, hal ehwal dakwah dan perancangan jihad. Baginda merupakan jurucakap umat, mentadbir negara yang masih muda di muka alam, menghubungi dan mendakwah negara negara lain, menerima utusan (duta) dan memuliakan mereka, melancarkan pasukan tentera dan memimpin mereka, berdebat dengan para ahli agama dan pemerintah sekelilingnya, memberikan

dorongan untuk kemenangan, mengawasi dan kekalahan, mengujudkan petugas-petugas, mengumpulkan harta-harta (rampasan perang) dan membahagikannya seraya berkata: "Sekiranya aku tidak berlaku adil maka siapakah lagi yang akan melakukannya," bersegera mengajarkan manusia dengan agama Allah: iaitu mentafsirkan wahyu yang umum, menerangkan (menjelaskan) kesamaran, mencorakkan langkah kehidupan, mengeluarkan hukum-hukum yang furuk daripada hukum-hukum yang asal, mengembalikan apa yang tidak dikhabarkan Allah kepada apa yang dikhabarkan kepadanya.

Dalam mengerjakan itu semua baginda sebenarnya melaksanakan kerja harian yang merupakan tugas pahlawan dunia ini dan dalam kesibukan tugas hariannya ternyata bahawa baginda merupakan seorang yang sentiasa beribadat kepada Allah di malam dan siang dengan ibadat yang lebih agung daripada mereka yang beribadat di biara-biara dan puncak-puncak gunung.

Keseluruhan ini adalah himpunan antara agama dan dunia, yang dilaksanakan oleh pahlawan segala pahiawan yang juga merupakan contoh teladan yang menjadi catatan sejarah kepada manusia."

Pandangan sepintas lalu terhadap keseluruhan apa yang dilakukan oleh Nabi s.a.w dalam menghimpunkan antara agama dan dunia, ibadah dan kehidupan, maka sepatutnyalah bagi si pendakwah mencontohi corak ibadat baginda serta memerhati kan bahawa baginda merupakan seorang yang rnenghidupkan keseluruhan malam kecuali sedikit (untuk tidur) bahkan baginda bertahajjud di malam hari sehinggakan bengkak-bengkak kakinya.

Hendaklah si pendakwah berusaha supaya menyempurnakan amalan-amalan sunat sambil bersikap sederhana dan hendaklah ia bersungguh sungguh mengerjakan amalan-amalan sunat setakat mana kemampuannya.

Hendaklah ia mencontohi zuhud baginda dan perhatikan dengan sepenuh perhatian bahawa baginda tidak pernah kenyang dengan memakan roti gandum tiga hari berturut-turut sejak baginda di Madinah sehingga ia wafat. Seandainya baginda inginkan kekenyangan baginda boleh mendapatkannya.

Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan-amalannya sambil bersikap sederhana dan menjauhi kenikmatan dunia sekadar yang ia mampu.

Teladanilah tawaduk rendah hati baginda, renungilah bahawa baginda juga duduk di atas tanah, makan bersama khadam, menampung bajunya, memakai sejenis kulit yang seumpama kasut, berkhidmat dalam kerja-kerja keluarganya, menunaikan jempunan sama ada dari kalangan mereka yang merdeka, khadam atau hanya seorang hamba perempuan dan duduk di mana sahaja terdapat ruang kosong dalam majlis. Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan amalannya serta bersikap sederhana dan merendahkan dirinya kepada orang-orang mukmin sekadar kemampuannya.

Juga teladanilah sifat tidak pemaahnya, perhatikanlah kata-kata yang ditujukannya kepada mereka yang menumpukan segala usaha untuk menyakitinya, menghalaunya keluar dan tanah tumpah darahnya serta berpakat untuk mem bunuhnya. “Wahai orang-orang Quraisy! Apakah yang kamu sangka akan kulakukan ke atas kamu?” Mereka menjawab: “Engkau adalah saudara yang mulia dan anak kepada seorang yang mulia.” Baginda menjawab, “Pergilah, sesungguhnya kamu adalah bebas. “Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan-amalannya serta bersikap sederhana dan memaafkan setakat kemampuannya.

Teladanilah juga keteguhannya berpegang kepada prinsip perjuangan, renungilah keteguhannya yang begitu jarang dilihat, pada orang lain, keberaniannya yang paling tinggi terhadap musyrikin Quraisy ketika mana dikatakannya kepada bapa saudaranya kalimah yang kekal. “Demi Allah wahai bapa saudaraku sekiranya mereka meletakkan matahari di tangan kananmu dan bulan di tangan kiriku semata-mata untuk kutinggalkan urusan ini sekali-kali takkan kutinggalkan sehinggalah Allah memberikan kemenangan atau aku binasa kerananya.” Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan-amalan serta bersikap sederhana dan hendaklah ia berkata perkara yang benar sekadar kemampuannya.

Teladanilah kekuatan tubuh badan baginda dan lihatlah bagaimana gagahnya baginda bergusti dengan Rukanah sebanyak tiga kali dan bagaimana baginda memberikan tamparan kepada puak Ubai bin Khalaf di peperangan Uhud dan bagaimana para sahabat meminta bantuannya untuk menggali batu-batu yang keras di peperangan Khandak.

Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan-amalannya serta bersikap sederhana dan carilah setiap sesuatu yang memberikan kekuatan kepada badan sekadar yang mampu.

Juga teladanilah keberaniannya yang tiada tandingannya dan lihatlah kedudukannya yang agung di peperangan Hunain ketika mana dunia menyaksikan keberaniannya ketika baginda berkata: Aku merupakan Nabi yang tidak berdusta. Aku merupakan cucu Abdul Mutalib.

Hendaklah si pendakwah menyempurnakan amalan-amalannya serta bersikap sederhana dan mengharungi segala kesusahan pertempuran yang dahsyat dengan penuh keberanian sekadar kemampuannya.

Demikianlah ketika mana para pendakwah mengiringi Rasulullah s.a.w dalam mendampingi sirah Rasulullah s.a.w, sirahnya yang suci dan sifat sifatnya yang mulia. Berjalan bersamanya ketika mana baginda berjalan, duduk bersamanya ketika mana baginda duduk, mendengar kelunakan nasihatnya ketika baginda berkhotbah dan bercakap. Contohilah ketinggian munajat baginda kepada tuhannya di kesunyian malam dan siang, juga contohilah kepahlawanannya yang tiada tandingan di medan pertempuran dan jihad. Ketika mana para pendakwah mendampingi (sirah) Nabi dengan dampingan serta penghayatan yang sebegini mendalam dan mengiringi (sirah) Rasulullah s.a.w ini di mana saja, lembutlah hatinya dengan

kejernihan jiwa baginda s.a.w, bersihlah diri (jiwa)nya dengan kebersihan jiwa baginda dan nyatalah baginya jalan yang salih, serta tujuan matlamat yang tertinggi di kehidupan ini dan bergeraklah beliau sedikit demi sedikit ke arah kesempurnaan, kerohanian sehingga menjadi seorang insan yang waras, mukmin yang bertakwa dan muslim yang matang.

Ketiga – Mendampingi dengan mereka yang terpilih yang merupakan orang-orang yang mengenal Allah.

Tidak diragui lagi bahawa para pendakwah yang paling perlu untuk mendampingi dengan mereka yang terpilih ini iaitu orang-orang yang bertakwa dan merupakan mereka yang mengenali Allah. Ini adalah didasarkan kepada dua sebab:

Pertama – kerana syarak menyuruh untuk mendampingi mereka.

Kedua – untuk berusaha mendapat ketakwaan, kerohanian dan nasihat dan mereka.

Dalam pada itu suruhan syarak untuk mendampingi dan bersama mereka ialah firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu bersama-sama orang-orang yang benar.” (At-Taubah: 119)

Juga sabda baginda (selawat dan salam ke atasnya) seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi dan Abu Said Al-Khudri r.a dan Nabi s.a.w sabdanya:

“Janganlah kamu bersahabat melainkan dengan orang mukmin dan janganlah makanan engkau dimakan melainkan oleh orang yang bertakwa.”

Juga apa yang dikatakan oleh sekumpulan salaf: *“Sahabatilah mereka yang memajukan engkau dengan keadaan mereka itu menunjukkan (mengarahkan)mu kepada Allah dengan segala perkataan mereka.*

Antara kelebihan persahabatan yang ikhlas dan kasih sayang yang sebenar ialah sesungguhnya seseorang adalah bersama mereka yang ia kasihi walaupun yang dikasihi lebih rendah ketakwaan, ilmu dan kedudukan. Bahkan ia adalah bersamanya di dalam syurga insyaAllah. Ini adalah berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh As-Syaikh dari Abu Musa Al-Asya'ari r.a bahawa nabi s.a.w bersabda:

“Seseorang itu adalah bersama orang yang ia kasihi.”

Dan dalam riwayat lain, dikatakan kepada baginda s.a.w tentang seorang lelaki yang mengasihi satu kaum tetapi tidak mengiringi mereka? Jawab baginda s.a.w: *Seseorang itu adalah bersama orang yang ia kasihi.”*

Mereka yang terpilih ini mempunyai beberapa ciri. Antaranya ialah:

– iltizam mereka terhadap suruhan syarak dengan niat yang ikhlas, ketaatan yang sebenar dan amal yang berterusan.

– tidak lahir di kalangan mereka sebarang maksiat, bidaah atau perkara-perkara yang menyalahi syarak, kerana mereka merupakan yang beriltizam serta bersih dan sifat-sifat ini.

– mengambil berat tentang keaiban mereka sendiri daripada keaiban orang lain.

– menegakkan amar makruf dan nahi mungkar dengan kekuatan iman dan keberanian diri.

– lahir pada mereka limpahan ketakwaan, cahaya keimanan di wajah dan air muka mereka.

– mengambil berat tentang hal ehwal kaum muslimin dan bersemangat untuk kepentingan mereka.

– menggerakkan yang benar untuk tanggungjawab dakwah dan semangat yang ikhlas dalam permasalahan islah, jihad dan perubahan. Apabila seorang pendakwah menemui penyeru-penyeru kebenaran, pembimbing kebaikan dan pemimpin hidayah, keseluruhan inilah sifat-sifat mereka.

Bersegeralah untuk bersahabat dengan mereka dan gabungilah mereka serta hadirilah majlis mereka tanpa memandang rendah atau lebih kurang. Dirahmati Allah kepada mereka yang berkata:

Pegangilah sekiranya engkau menemui orang-orang yang mulia, maka sesungguhnya mereka di dunia ini sedikit.

Hendaklah para pendakwah mengawasi diri mereka daripada terpaut kepada golongan yang menyeru kepada keburukan yang melucutkan dari diri mereka dan kadangkala dari pengikut-pengikut mereka syarak, meninggalkan hukum-hukum Islam, dan mereka ini berjalan di jalan yang kosong dan petunjuk syarak dan manhaj para salaf. Mereka ini merupakan penyeru kepada bidaah, tidak menuju melainkan kepada kesesatan dan tidak menyeru melainkan kepada kesesatan.

Firman Allah dalam surah An-Nur ayat 63.

“Oleh itu hendaklah mereka yang meningkari perintah-Nya beringat serta berjaga-jaga supaya mereka tidak ditimpa bala bencana atau ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (An-Nur:63)

Untuk meridapatkan takwa, rohani dan na sihat dan mereka:

Tidak diragui lagi apabila seorang pendakwah mendampingi mereka yang merupakan contoh ahli takwa dan makrifah kepada Allah, maka sesungguhnya beliau sedang mengusahakan dari mereka ketakwaan, menimba dari hal ehwal mereka juga dan perkataan mereka yang tertentu kerohanian bahkan mengambil dari mereka setiap apa yang bermanfaat sama ada urusan agama, dunia dan akhirat. Bahkan juga adalah beliau berjalan dikejernihan dengan suatu perjalanan yang pantas untuk mencapai kematangan, kesempurnaan dan kemakrifahan kepada Allah sebagaimana dikatakan: “Sahabat ialah pendorong, jangan katakan kepadaku: Siapakah

saya? Tetapi katakanlah (tanyalah) siapakah yang engkau sahabati? Engkau akan tahu siapa saya!”

Ke arah inilah nabi s.a.w bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh ibn Hibban:

“Seseorang itu adalah mengikut cara hidup sahabatnya oleh itu telitilah kamu terhadap orang yang kamu sahabati.”

Apa yang telah dimaklumi secara jelas bahawa sahabat yang baik mendorong ke arah kebaikan dan petunjuk manakala sahabat yang jahat mendorong ke arah kejahatan dan kesesatan. Dirahmati Allah mereka yang berkata:

Atas seseorang itu janganlah bertanya (suatu yang lain) tetapi tanyalah (tentang) sahabatnya. Maka tiap-tiap sahabat dengan sahabatnyalah ia berpandu.

Betapa telah kita dengari tentang pemuda yang terdahulu menjalani jalan dakwah kepada Allah, mereka ini mendampingi orang-orang baik yang merupakan ahli takwa dan makrifah dengan Allah.

Pemuda ini mendapat (dan golongan ini) apa yang mengangkat diri mereka ke tingkat keimanan, akhlak, keperibadian dan dakwah yang tinggi. Mereka muncul dalam masa yang singkat sebagai pemuda mursyid dan pendakwah yang menjadi contoh seperti As-Syahid Sayyid Qutb, Al-marhum Hassan Al-Hudhaibi, As-syahid Abd Qadir ‘Audah, As-syahid Muhammad Farghali, As-syahid Kamal As-Sananiri dan puluhan mereka yang lain yang merupakan keluaran dari Madrasah Al-Imam As-syahid Hassan Al-Banna Sesungguhnya bagi mereka ini akan menjadi peringatan dan ikutan (qudwah) yang berkekalan kepada generasi berikutnya.

Begitu juga dengan Al-Marhum Syeikh Mustafa As-siba’i pengasas yang pertama bagi gerakan Islam di Syria yang mana beliau telah melatih ratusan beliau mukmin yang sedar lalu mereka ini dengan berkat kelebihan mendampingi beliau telah menjadi pelita-pelita hidayah dan pemimpin-pemimpin islah. Di kalangan mereka ini ada yang telah menunaikan janji mereka (syahid) dan yang masih menunggu (untuk syahid) dan mereka ini tidaklah sekali-kali mengingkari janji-janji mereka.

Kita juga tidak melupakan madrasah As-syeikh yang dihormati Abul Ala Al-Maududi, pendakwah agung As-syeikh Abdul Hassan An-Nadawi dan puluhan mereka yang lain yang merupakan tumpuan pendakwah, para ulama’ dan pemuda untuk mencapai ketakwaan, keilmuan dan kerohanian, mengikat diri mereka dengan dakwah, bersemangat untuk Islam dan jihad untuk meninggikan kalimah Allah. Sepastinyalah mereka ini kekal dalam sejarah kemanusiaan, sebagai panji-panji, petunjuk kepada mereka yang berjalan, persiapan untuk jihad, sebagai sinar yang bercahaya di lautan kegelapan. Betapa perlu kepada para pendakwah untuk bersahabat dan mendampingi mereka yang merupakan contoh teladan dari barisan hidayah, pimpinan yang mengarahkan ke suatu jalan yang menyampaikan kepada

martabat-martabat kerohanian, keikhlasan dan amal di jalan Allah. Dalam pada itu juga agar para pendakwah dapat mengorakkan langkah berjalan di jalan yang telah dilalui oleh mereka ini menjejak jejak dakwah mereka seterusnya melalui sejarah, tarbiyyah ruhiyyah (kejiwaan) dan islah yang telah mereka olahkan. Tidak berlaku semua ini melainkan dengan kekuatan Allah.

Mereka itu adalah bapa-bapaku, datangkanlah kepadaku golongan seperti mereka. Bila mana kita (para pendakwah) sedang menjalankan dakwah kepada manusia ramai.

Keempat – Sentiasa mengingati Allah di setiap ketika dan keadaan.

Ini adalah merupakan perintah Allah s.w.t dan terdapat begitu banyak ayat-ayat al-Qur'an dan al-hadis mengenainya. Antaranya ialah:

“Lantaran itu, ingatlah kepada-Ku, niscaya Aku ingat kepada kamu: dan hendaklah kamu bersyukur kepada-Ku, dan janganlah kamu lupakan budi-Ku.”
(Al-Baqarah: 152)

“Hai orang-orang yang beriman,! Ingatlah akan Allah ingatan yang banyak; Dan beribadatlh kepada-Nya (pada waktu) pagi dan petang.” (Al -Ahزاب :41-42)

“Lantas apabila kamu telah selesaikan sembahyang itu, maka hendaklah kamu ingat kepada Allah sambil berdiri dan sambil duduk, dan sambil (berbaring) atas rusuk-rusuk kamu. Tetapi apabila kamu telah tenteram, maka hendaklah kamu dirikan sembahyang (seperti biasa), kerana sesungguhnya sembahyang itu adalah atas Mu 'minin satu kewajipan yang ditentukan waktunya.” (An-Nisa' :103)

Dan antara hadis-hadis mengenainya:

“Perumpamaan mereka yang mengingati Tuhannya dengan yang tidak mengingati ialah seperti mereka yang hidup dan yang mati.”

(Riwayat al-Bukhari)

“Allah akan membangkitkan beberapa kaum pada hari kiamat yang mana di wajah-wajah mereka terdapat cahaya. Mereka ini berada di atas mimbar-mimbar yang dibuat dan mutiara, manusia-manusia yang lain merasa iri hati kepada mereka, mereka ini bukanlah para anbiya' juga bukanlah para syuhada', lalu bangkitlah seorang badwi (beliau berdiri di atas lututnya) bertanya Rasulullah s.a.w.: “Wahai Rasulullah sifatkanlah mereka semoga kami dapat mengenali mereka.” Jawab baginda: “Mereka itu merupakan orang-orang yang saling kasih mengasihi antara satu sama lain semata-mata kerana Allah dan mereka itu adalah dari puak-puak yang berlainan, juga negeri yang berlainan. Mereka itu berkumpul untuk mengingati Allah.”

(Riwayat at-Tabrani)

Dan dalam suatu hadis Qudsi:

“Aku berada di sisi hambaku yang bersangka baik kepadaku. Aku bersamanya ketika mana ia mengingatiku. Sesungguhnya jika ia mengingatiku di dalam dirinya maka aku mengingatnya dalam diriku. Barangsiapa yang mengingatiku (berzikir) dalam perkumpulan yang ramai, maka aku akan menyebutnya di dalam perkumpulan yang lebih baik daripada mereka. Jika sekiranya ia menghampiri sejengkal maka aku akan menghampirinya sehasta, dan jika ia menghampiriku sehasta maka aku akan menghampirinya sedepa, dan jika sekiranya ia mendatangi kepadaku dengan berjalan, maka aku akan mendatanginya dengan berlari.

(Riwayat Syaikh)

Pengertian zikir – ertinya merasakan kebesaran serta keagungan Allah di setiap keadaan sama ada perasaan ini di pemikiran, hati, lidah, perbuatan dan ianya meliputi seluruh tindakan, tilawah (pembacaan), ibadah dan ilmu. Inilah pengertian zikir yang begitu banyak diterangkan oleh al-Qur’anul Karim oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Zikir dengan pengertian pemikiran. Inilah apa yang dinyatakan oleh al-Qur’an di dalam an-Nur, ayat 37.

“Orang-orang yang tidak dilalaikan oleh perniagaan (jual beli) daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, mereka takutkan hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.”

Merasakan kebesaran serta keagungan Allah serta muraqabah kepadanya berterusan sehingga dalam urusan perniagaan.

Merasakan kebesaran Allah di hati. Ini dinyatakan oleh firman Allah di dalam surah ar-Ra’du, ayat 28.

“Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan mengingati Allah. Ketahuilah dengan mengingati Allahi itu tenang, tenteramlah hati mereka.”

Merasakan kebesaran Allah dengan begitu mantap di hati dan menguasainya di dalam diri menjadikan seseorang mukmin itu akan dapat merasai kemanisan iman dan ketenangannya di dalam pelusuk dirinya.

Zikir (maknanya) di lidah. Termasuk di dalam pengertian zikir di lidah ini ialah setiap ayat dan hadis yang memerintahkan setiap mukmin mengingati Allah. Ini adalah kerana mengingati Allah (zikir dengan lidah) ialah yang pertama-tamanya dimaksudkan oleh ayat-ayat dan hadis-hadis tersebut. Ini dikuatkan lagi dengan hadis Abu Hurairah seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ibn Hibban dari Rasulullah s.a.w bahawa baginda bersabda:

“Sesungguhnya Allah azza wajjala berfirman: aku bersama hambaku apabila ia mengingatiku dan bergerak kedua bibirnya (menyebut ku).”

Dan dalam riwayat Tirmizi dari Abdullah bin Bisr bahawa seorang lelaki bertanya:

“Wahai Rasulullah, syariat-syariat Islam begitu banyak untuk aku laksanakan. Sabda baginda: “Hendaklah kamu (lidahmu) sentiasa basah dengan menyebut Allah.”

Termasuk juga dalam pengertian zikir pada lidah: Setiap doa dan riwayat yang sahih dari Nabi atau para sahabat atau salaf as-salih sama ada yang berkaitan dengan doa di waktu pagi dan petang, doa makanan dan kekenyangan, atau doa musafir dan bermukim, doa masuk dan keluar, doa tidur dan jaga, doa tahajjud dan melihat pandangan alam. Termasuk juga dalam zikir ini ialah istighfar rabbani yang disebutkan oleh al-Qur’an dan diriwayatkan oleh Nabi s.a.w.¹

Zikir dalam perbuatan yang meliputi tilawah:

Firman Allah dalam surah al-Hajr, ayat 9.

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan “al-zikr” dan kamilah yang menjaganya.”

Yang dimaksudkan dengan al-zikir dalam ayat di atas ialah al-Qur’an al-Karim. Zikir dalam perbuatan yang meliputi ibadah. Firman Allah dalam surah al-Jumuah, ayat 9.

“Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu diseru menunaikan sembahyang pada hari Jumaat maka bersegeralah mengingati Allah.”

Yang dimaksudkan dengan mengingati dalam ayat di atas ialah sembahyang Jumaat.

Zikir pada perbuatan yang meliputi ilmu. Firman Allah dalam surah al-Anbiya’, ayat 7.

“Maka tanyalah ahli al-zikr sekiranya kamu tidak mengetahui.”

Yang dimaksudkan dengan ahli al-zikr ialah para alim ulama’.

Ketahuilah saudaraku pendakwah, sesungguhnya zikir tidak terbatas kepada satu-satu keadaan, juga tidak khusus kepada jalan-jalan yang tertentu, bahkan ianya meliputi keseluruhan perkara yang telah disebut dan dinyatakan sebelum ini iaitu zikir pada pemikiran, hati, lidah dan perbuatan.

Bersungguh-sungguh saudaraku pendakwah untuk sentiasa mengingati Allah. Semoga dengan ini diri engkau akan meningkat ke setinggi-tinggi martabat kerohanian dan engkau akan mencapai semulia-mulia munajat ke hadrat Ilahi. Semoga dengan ini engkau akan merupakan muslim yang sentiasa beribadat sentiasa mengingatj Allah, tenang serta khusyu’, juga tidak dicemari dengan sebarang maksiat, tidak digelumangi dengan keburukan. Inilah demi tuhan, matlamat ketakwaan, kebaikan dan akhlak yang mulia.

Kelima – Tangisannya ketika bersendirian kerana takutkan Allah

Tidak diragui lagi seorang pendakwah ketika mana beliau bersendirian menghadapkan diri sepenuhnya kepada Allah dan mengingati segala dosa yang telah dilakukannya, berfikir tentang azab neraka jahanam dan keadaannya, mengingati akhirat dan kedahsyatannya, mengingati kematian dan rentetan peristiwa selepasnya, menghisab segala amalan yang dikerjakannya dan membandingkannya dengan amalan orang yang terdahulu, lalu gementarlah hatinya, menggeletar dan menangislah matanya. Setelah itu, ia kembali menghadap Tuhannya dengan penuh taubat, istighfar, mengingatnya dan memelihara segala hukum hakamnya, mematuhi segala suruhannya dan meninggalkan segala larangannya. Bahkan beliau ada lah merupakan orang-orang yang bersegera melakukan kebaikan, menerima segala ketaatan dan tunduk kepada tuhan semesta alam.

Ketahuilah saudaraku pendakwah, sesungguhnya tangisan itu adalah merupakan natijah dari ketakutan. Ketakutan apa? Itulah ketakutan menemui kematian sebelum bertaubat, ketakutan dan istidraj (pengurniaan) nikmat-nikmat yang membawa kepada su'ul khatimah (mati dalam kekufuran), ketakutan dari sakaratul maut dan cabutan nyawa, ketakutan kepada soalan-soalan dua orang malaikat dan azab kubur, ketakutan pada hari penghisaban dan lintasan titian sirat, ketakutan kepada neraka dan kedahsyatannya juga takut kepada pengharaman syurga dan segala nikmatnya.

Dan yang paling penting dari semua yang di atas ialah ketakutan riak ketika beribadah, ujub ketika kaya, munafik ketika bergaul, takabbur ketika berhias dan lalai ketika berhadapan dengan nikmat-nikmat keduniaan. Begitulah seterusnya takutkan kepada semua penyakit-penyakit hati dan keburukan diri. Orang yang paling takut ialah orang yang paling mengenali diri mereka dan Tuhan mereka. Inilah apa yang disabdakan oleh junjungan Nabi s.a.w sebagaimana yang terdapat di dalam hadis sahih:

“Aku merupakan orang yang paling mengenali Allah dan takut kepada-Nya.”

Firman Allah dalam surah al-Fatir ayat, 28.

“Sesungguhnya orang-orang yang takutkan Allah adalah merupakan hamba-hambanya yang ulama’ (mengetahuinya).”

Apabila seseorang manusia itu mengenali dirinya dan takutkan Tuhannya, sudah tentu dirinya dikuasai ketakutan dan bersemaraklah di dalam hatinya, tampaklah kesan (ketakutan itu) di dalam tindakannya, merubah kelakuannya, bergementarlah anggotanya dan menangislah matanya. Tiada yang mendorongnya melainkan untuk muraqabah kepada Allah, menghisab dirinya, bermujahadah menentang syaitan dan tiada suatu yang penting baginya melainkan untuk bertakwa kepada Allah di dalam semua tindakannya. Justeru itu baiklah keadaannya, luruslah amalannya lalu bergeraklah beliau ke arah kesempurnaan dan sampailah beliau ke setinggi-tinggi martabat rohani.

Untukmu saudaraku pendakwah, fadilat kelebihan tangisan kerana takutkan Allah:

1. Mereka ini berada di bawah naungan lindungan Allah pada hari kiamat. As-Syaikh meriwayatkan:

“Tujuh golongan dilindungi Allah di bawah lindungannya di hari yang tiada sebarang pelindung melainkan lindungannya. (Salah satu darinya ialah)) seorang yang mengingati Allah di kala keseorangan lalu mengalirlah air matanya.

2. Mereka ini aman dari azab Allah. Tarmizi riwayatkan dari Ibnu Abbas katanya:

“Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Dua jenis mata yang tidak disentuh oleh api neraka; mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang berjaga di jalan Allah.”

3. Mereka ini mendapat lindungan Ilahi. Tarmizi meriwayatkan dari Abu Umamah dari Nabi s.a.w:

“Tiada sesuatu yang dikasihi Allah lebih dari dua wangian dan dua kesan: Wangian air mata yang mengalir kerana takutkan Allah dan wangian yang berupa darah yang mengalir dalam perjuangan di jalan Allah, ada pun dua kesan ialah kesan di dalam berjuang di jalan Allah dan kesan dalam menunaikan kewajipan dan kewajipan-kewajipan kepada Allah (iaitu sembahyang berjamaah).

4. Mereka dalam limpahan keampunan Allah. Ibn Hibban dan Al-Baihaqi meriwayatkan dari Al-Abbas bin Abd. Muttalib r.a berkata:

Sabda Rasulullah s.a.w: “Apabila gementar seorang hamba kerana takutkan Allah berguguranlah segala dosa-dosanya sebagaimana berguguran dedaun dari pokok yang kekeringan.”

Sekiranya kita menggali dari sirah nabawi s.a.w, juga dalam kehidupan para sahabat dan para salaf, kita akan dapat menyaksikan gambaran yang benar, contoh teladan yang baik dalam ketundukan mereka kepada Allah, tangisan mereka kerana takutkan Allah dan kesedaran mereka terhadap keagungan dan kekuatan Allah.

Untuk kalian beberapa gambaran contoh teladan:

1. As-Syaikh meriwayatkan dari Ibn Mas’ud r.a berkata: Rasulullah telah bersabda kepadaku:

“Bacakanlah untukku Al-Quran.” Aku ber kata, “Apakah aku bacakan untukmu al Qur’an sedangkan kepada engkau ia diturunkan?” Sabda baginda: “Aku suka mendengarnya dari orang lain.” Lalu aku bacakan untuknya surah an-Nisa’ sehingga sampai kepada ayat, (dalam surah al-Nisa’: 41)

“Maka bagaimanakah keadaannya nanti apabila kami mendatangkan seorang saksi (Rasul) dari tiap-tiap umat dan Kami mendatangkan kamu (Muhammad) sebagai saksi. atas mereka ini (sebagai saksi umatmu).”

Sabda baginda: “Cukup sekadar ini. Aku memandang ke arahnya dan aku lihat kedua pipinya dibasahi oleh air mata!”

2. Muslim meriwayatkan dari Anas katanya: Berkatalah Abu Bakr kepada Umar r.a selepas kewafatan Rasulullah: “Ayuh kita menziarahi Umm Aiman sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah.” Apabila sampai keduanya mereka melihat Umm Aiman sedang menangis. Kedua-duanya bertanya: “Apakah yang engkau tangiskan? “Tidakkah engkau tahu apa yang terbaik di sisi Allah untuk Rasulullah s.a.w.”

Umm Aiman menjawab: “Sesungguhnya aku tahu apa yang terbaik di sisi Allah untuk Rasulullah s.a.w tetapi aku menangis kerana wahyu telah terhenti dari langit. Keduanya merasa terharu lalu turut menangis bersama Umm Aiman.

3. Bukhari meriwayatkan bahawa Abd Rahman Bin Auf telah dihidangkan dengan makanan dan beliau berpuasa, lalu beliau berkata: Mus’ab telah terbunuh dan beliau merupakan seorang yang lebih baik dariku, dan tidak di dapati untuknya bahan untuk mengkafkannya melainkan sehelai selimut yang mana sekiranya ditutupi kepalanya akan terbukalah kakinya dan begitulah sebaliknya. Tersedia di hadapan kita kesenangan dunia yang menakutkan kita sekiranya amal kebaikan kita ketinggalan didahuluinya.” Beliau menangis sehingga lupakan makanannya!

4. Baihaqi dan al-Asbahani meriwayatkan dari Anas katanya Rasulullah membaca ayat”

“Bahan bakarannya ialah manusia dan batu.” (at-Tahrim: 6)

Baginda bersabda:

“Api dinyalakan (dibakar) seribu tahun sehingga merah menyala, kemudian seribu tahun lagi sehingga putih, dan seribu tahun lagi sehingga hitam legam. Ianya hitam yang begitu hitam dan tidak mungkin hilang kerana kedahsyatannya.

Anas berkata:

Dan di hadapan baginda ada seorang lelaki dari Habsyah, lelaki tersebut menangis. Lalu turun malaikat Jibril a.s lantas berkata:

“Siapakah yang menangis itu? Jawab baginda:

“Lelaki dari Habsyah dan aku mendoakan baginya kebaikan.” Jibril berkata: “Maka sesungguhnya Allah berfirman: Demi kekuasanku dan ketinggianku di atas Arasy, tidak menangis satu mata di dunia kerana takutkan aku melainkan akan aku banyakkan ketawa untuknya di syurga.”

5. Ibn Abi Dunya meriwayatkan (hadis mauquf) dari Abdullah bin Amru katanya:

“Sekiranya seorang ahli neraka dikeluarkan ke dunia nescaya akan mati seluruh penghuninya akibat kedahsyatan rupa dan baunya.” Kemudian Abdullah menangis tersedu-sedu.

Lantaran ini berusahalah saudaraku, pendakwah, untuk bersendirian di suatu ketika yang mana hanya engkau dan Tuhan engkau sahaja, seterusnya mengingati kematian dan apa yang berlaku selepasnya, merenungi hari akhirat dan kedahsyatannya, juga menghisab diri sendiri dan menanyakannya: apakah yang telah engkau sediakan untuk hari yang dijanjikan ini? Semoga dirimu akan diresapi ketakutan yang akan mendorong dirimu untuk menangis. Sehingga engkau menjadi kalangan yang mendapat perlindungan Arasy Allah pada hari yang amat menakutkan dan semoga engkau tergolong di kalangan mereka yang mendapat keampunan Allah di hari yang tiada berguna sebarang harta dan anak pinak, juga semoga engkau tergolong di kalangan mereka yang dilimpahi kasih Ilahi di dunia dan akhirat. Seterusnya engkau tergolong di kalangan mereka yang bergerak ke arah kesempurnaan, meninggi di tingkat kerohanian dan sampai ke tingkat para siddiqin, para syuhada' dan para salihin dan sebaik-baik mereka yang dibuat teman.

Keenam – Galakan supaya berbekal dengan sentiasa mengerjakan ibadat-ibadat sunat

Antara perkara-perkara yang boleh menghampirkan seseorang hamba kepada Allah, dan menjadikannya berada dalam suatu kedudukan di mana ia dicintai dan diredai Allah serta dapat meningkatkan tarafnya ke peringkat para Siddiqin al Abrar ialah penjagaannya yang berkekalan ke atas ibadat-ibadat sunat ketika mana setiap kali terluang kepadanya kelapangan-kelapangan sama ada di waktu malam atau siang hari.

Maka marilah kita mendengar kepada apa yang telah dijelaskan oleh syarak tentang kelebihan ibadat sunat serta balasan-balasannya bagi orang yang mengerjakannya dengan penuh keikhlasan. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Isra' ayat 79 yang berbunyi:

“Dan pada sebahagian malam hari bersembahyang tahajjudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu; mudah-mudahan Tuhanmu mengangkat kamu ke tempat yang terpuji.

Riwayat Syaikhhan, daripada Nabi s.a.w bersabda:

“Dan barangsiapa yang menghampiri kepada ku sebanyak sejengkal maka aku akan menghampiri kepadanya sebanyak sehasta, dan barangsiapa yang menghampiriku sehasta, maka aku akan menghampiri kepadanya sedepa, dan apabila hamba itu datang kepadaku dengan berjalan maka aku akan datang kepadanya dengan berlari.”

Bukhari meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda:

“Dan akan sentiasalah hambaku menghampiriku dengan ibadat sunat sehingga aku kasih kepadanya.”

Muslim meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda:

“Sesiapa daripada hamba muslim yang mengerjakan sembahyang sunat tiap-tiap hari sebanyak dua belas rakaat selain daripada sembahyang fardu maka akan dibina kepadanya sebuah mahligai di syurga.”

Maksud ibadat sunat ialah: Ibadat-ibadat sunat selain daripada fardu sama ada di dalam ibadat sembahyang, puasa, sedekah ataupun haji.

Tidak keberatanlah bagi saya untuk membentangkan kepada engkau, wahai saudaraku para pendakwah beberapa contoh daripada ibadat sunat sama ada di dalam sembahyang, puasa, sedekah dan haji, memandangkan kepada peri pentingnya ibadat-ibadat ini di dalam keseluruhan amal ketaatan terhadap Allah s.w.t. Semoga engkau akan mendapat kesan dan faedahnya bagi diri engkau dan seterusnya engkau akan bangun melaksanakannya ketika mana engkau terdedah kepada kelapangan-kelapangan daripada waktu engkau.

1. SEMBAHYANG-SEMBAHYANG SUNAT

1.1. SunatDhuha

Muslim meriwayatkan daripada Abi Zar r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Pada tiap-tiap pagi ada kewajipan ke atas setiap orang perseorangan (individu) untuk bersedekah, dan cukuplah menggantikan semuanya dengan mengerjakan dua rakaat sunat Dhuha.”

Muslim meriwayatkan daripada ‘Aisyah r.a telah berkata:

“Adalah Rasulullah s.a.w mengerjakan sembahyang sunat Dhuha sebanyak empat rakaat dan ditambah mengikut yang dikehendaknya. Riwayat Muslim daripada Ummu Hani’ pula, bahawasanya Nabi s.a.w mengerjakannya sebanyak lapan rakaat.

Maka kita dapat simpulkan daripada tiga riwayat di atas bahawasanya sekurang-kurangnya sembahyang sunat Dhuha itu ialah dua rakaat, perengahannya ialah empat dan yang sebanyak-banyaknya ialah lapan, maka pilihlah sembahyang sunat tersebut mengikut apa yang dikehendaki. Waktu Dhuha ini bermula selepas matahari naik setengah jam hinggalah lebih kurang sejam sebelum Zuhur.

1.2. Sembahyang sunat al-Awwabin.

Iaitu sebanyak enam rakaat selepas daripada sembahyang maghrib, sebagaimana riwayat ibnu Majah daripada Abu Hurairah r.a, bahawasanya Nabi s.a.w bersabda:

“Barangsiapa yang sembahyang (sunat) selepas maghrib sebanyak enam rakaat dan ia tidak bercakap di antaranya dengan kejahatan, maka Kami (Allah) akan mengganjarkan baginya dengan ibadat selama 12 tahun.

1.3. Dua rakaat sunat Tahiyatul Masjid.

Muslim meriwayatkan daripada Abi Qatadah bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda:

“Jika salah seorang daripada kamu memasuki masjid, maka janganlah kamu duduk sehingga kamu mengerjakan dua rakaat sembahyang sunat.

1.4. Dua rakaat sunat Wuduk.

Bukhari meriwayatkan daripada Abi Hurairah berkata: “Bersabda Rasulullah s.a.w kepada Bilal r.a:

“Hai Bilal, ceritakanlah kepadaku amal perbuatan apakah yang telah engkau lakukan yang baik sekali di dalam Islam, kerana aku telah mendengar suara tapak kaki engkau di syurga?” Jawab Bilal: “Tiada satu amal yang sangat saya harapkan di dalam Islam, selain dari jika aku selesai ber wuduk baik di waktu malam atau siang, maka aku mengerjakan sembahyang mengikut kemampuan ku.”

1.5. Sembahyang malam.

Tarmizi meriwayatkan daripada Abi Hurairah bahawasanya Nabi s.a.w telah bersabda:

“Sembahyang yang paling afdal selepas sembahyang fardu ialah sembahyang malam.”

Imam Tarmizi meriwayatkan daripada Abi Umamah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Berpegang teguhlah kepada sembahyang malam kerana ia adalah kebiasaan orang-orang salih dan ia mendekatimu kepada Tuhanmu, menghapuskan dosa-dosa kecil dan mencegah daripada perbuatan dosa.”

Tarmizi meriwayatkan daripada Abdullah bin Salam r.a daripada Nabi s.a.w bersabda:

“Wahai sekalian manusia, sebarkanlah salam, berikanlah makanan dan sembahyang di malam hari, di waktu manusia sedang tidur, supaya kamu masuk syurga dengan selamat.”

Bilangan yang paling sedikit bagi sembahyang malam ialah sebanyak dua rakaat dan yang paling afdal ialah lapan rakaat namun tidak dihadkan bilangan yang paling banyak. Ia merupakan sembahyang sunat yang paling afdal kerana ia lebih mendekatkan diri kepada rasa ikhlas dan menjauhkan daripada riak.

1.6. Sembahyang Tarawih.

Sembahyang ini dikerjakan sebanyak 20 rakaat dengan 10 salam (selepas setiap dua rakaat) setiap malam di sepanjang bulan Ramadan – secara berjemaah selepas menunaikan sembahyang Isyak.

Al-Baihaqi meriwayatkan daripada As- Sa'ib bin Yazid r.a berkata: "Mereka telah mendirikan (sembahyang tarawih) pada zaman pemerintahan Umar Al-Khattab r.a sebanyak 20 rakaat di bulan Ramadan, mereka berdiri dengan khusyu', sehingga terpaksa bersandar kepada tongkat-tongkat mereka kerana terlalu lama berdiri pada zaman pemerintahan Uthman bin Affan. (Riwayat Baihaqi)

As-Syaikh meriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a berkata: "Aku telah sembahyang bersama Rasulullah s.a.w dua rakaat sebelum zuhur, dua rakaat selepasnya, dua rakaat sesudah Jumaat, dua rakaat sesudah Maghrib dan dua rakaat sesudah Isyak."

Bukhari meriwayatkan daripada 'Aisyah r.a bahawasanya Nabi s.a.w tidak pernah meninggalkan empat rakaat sebelum zuhur dan dua rakaat sebelum subuh.

As-Syaikh meriwayatkan daripada Abdullah bin Mughaffal r.a berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w:

Di antara dua azan ada sembahyang sunat, di antara dua azan ada sembahyang yang sunat, di antara dua azan ada sembahyang sunat."

Apa yang dimaksudkan dengan dua azan dalam hadis ini ialah azan dan iqamah dan yang dimaksudkan dengan sembahyang sunat ialah sembahyang sunat rawatib.

B. PUASA SUNAT

Dasar dalam membicarakan tentang kelebihan puasa sunat ini ialah apa yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abi Saïd al-Khudri r.a daripada Nabi s.a.w bersabda:

"Tiada seorangpun yang berpuasa sehari di jalan Allah kecuali Allah akan menjauhkan wajahnya dengan hari itu daripada neraka tujuh puluh kharif." (Muslim)

Puasa sunat itu mempunyai beberapa bahagian iaitu:

1. Puasa hari 'Arafah.

Muslim meriwayatkan daripada Abi Qatadah bahawasanya Nabi s.a.w bersabda:

"Puasa pada hari 'Arafah akan dikira oleh Allah s.w.t sebagai penebus dosa bagi tahun yang sebelumnya dan juga tahun selepasnya."

2. Puasa pada hari 'Asyura' dan hari yang kesembilan dan hari yang kesepuluh daripada bulan Muharram.

Muslim meriwayatkan daripada Abi Qatadah:

“Puasa pada hari Asyura’ dikira oleh Allah s.w.t sebagai penebus dosa bagi tahun yang sebelumnya dan tahun yang selepasnya.”

Imam Ahmad meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

“Puasalah kamu pada hari ‘Asyura’ dan berlainanlah kamu daripada kaum Yahudi, puasalah pada hari sebelumnya atau hari selepasnya.”

Berdasarkan riwayat-riwayat ini sah bagi orang yang berpuasa pada hari ‘Asyura’ itu berpuasa pada hari yang kesembilan atau hari yang kesebelas supaya berbeza daripada orang-orang Yahudi.

3. Puasa enam hari bulan Syawal.

Muslim meriwayatkan daripada Abi Ayub al-Ansari r.a bahawasanya Nabi s.a.w bersabda:

“Barangsiapa yang berpuasa bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan enam hari daripada Syawal, maka dia dikira sebagai orang yang telah berpuasa sepanjang masa (setahun).

4. Puasa hari Al – Baidh.

Tarmizi meriwayatkan daripada Abi Zar r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

“Jika engkau puasa tiga hari dalam sebulan maka puasalah pada tarikh 13, 14 dan 15 daripada bulan itu.

Bulan yang dikehendaki di sini ialah bulan qamariah. Dinamakan hari Al-baidh (hari putih) kerana bulan pada hari-hari ini sangat bercahaya dan terang (putih).

5. Puasa hari Isnin dan Khamis.

Muslim meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w telah berpuasa pada dua hari yang tersebut, lalu ditanyakan tentang itu kepada baginda s.a.w, baginda bersabda.

“Asal perbuatan itu diperiksa pada tiap-tiap hari Isnin dan Khamis, maka aku suka diperiksa amalku sedang (ketika) aku berpuasa.

6. Puasa sehari dan berbuka sehari.

Iaitu puasa Nabi Daud a.s, sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Bukhari daripada Abdullah bin Umar r.a bahawasanya Nabi s.a.w bersabda:

“Hendaklah kamu berpuasa sehari dan berbuka sehari, maka itu adalah merupakan puasa Nabi Daud a.s di mana ianya merupakan seafdal-afdal puasa.”

Selain daripada itu para pendakwah juga boleh berpuasa pada hari-hari dan bulan-bulan yang ditetapkan puasanya oleh Sunnah Nabawiyyah. Puasa merupakan ibadat yang dapat melatih seorang mukmin untuk bersifat ikhlas dan menjauhkan dirinya daripada riak kerana orang yang berpuasa sunat tidak diketahui puasanya itu kecuali Allah sahaja. Dan Allah s.w.t

sahajalah yang akan memberikan ganjaran pahala kepada orang-orang yang berpuasa dengan balasan yang sepatutnya daripada balasan-balasan pahala.

C. SEDEKAH SUNAT

Ianya merupakan amalan sunat yang memberi keuntungan kepada tuannya dengan balasan pahala yang besar yang tidak diketahui nilainya kecuali Allah sahaja. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 261.

“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir seratus biji. Allah melipat gandakan ganjaran bagi siapa yang Dia kehendaki dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.”

Sedekah itu akan diganti dan diberkati serta dilimpahi oleh Allah s.w.t dengan kelebihan-Nya, disebabkan pengorbanan dan jasanya. Firman Allah s.w.t dalam surah Saba', ayat 29:

Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya.”

As-Syaikh meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

“Tidak ada satu haripun yang dilalui oleh seorang hamba kecuali bersamanya dua orang malaikat yang turun dan berkata salah seorang daripadanya, “Ya Allah kurniakanlah kepadanya gantian apa yang telah disedekahkannya, manakala yang lain berdoa: “Ya Allah berikanlah kebinasaan kepada orang yang bakhil.”

Sedekah sunat ini mencukupi untuk menjadikan tuannya dalam keadaan baik dan mulia dan membebaskan seseorang mukmin daripada sifat tamak haloba dan melatih diri mereka untuk berkorban dan bersedekah serta mengutamakan orang lain.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hasyr ayat: 9

“Dan mereka mengutamakan orang-orang lain atas diri mereka sendiri sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya mereka itulah orang-orang yang beruntung.” (Al-Hasyr: 9)

D. HAJI DAN UMRAH SUNAT

Di antara perkara-perkara sunat yang boleh mendekatkan seorang hamba kepada Allah dan menghapuskan kesalahan-kesalahan daripada dirinya serta memasukkannya ke dalam syurga ialah haji dan umrah yang sunat. Kedua-duanya merupakan tangga peningkatan ke arah kelebihan-kelebihan dan kemuliaan-kemuliaan, juga dapat membangkitkan unsur-unsur rohani.

Di bawah ini diperturunkan hasil bagi orang-orang yang mengerjakan haji dan umrah. As-Syaikh meriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a berkata: “Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

“Siapa yang melakukan ibadat haji dan tidak berbuat keji dan fasik, maka ia akan kembali bersih dan dosanya bagaikan bayi yang lahir dari kandungan ibunya.”

As-Syaikh meriwayatkan lagi bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Kelakuan umrah sampai kepada umrah yang akan datang merupakan tebusan dosa yang terjadi di antara kedua umrah itu. Dan haji mabrur itu tidak ada balasannya selain dari syurga.”

Seterusnya Muslim meriwayatkan daripada ‘Aisyah r.a, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

“Tidak ada hari yang paling baik untuk membebaskan seseorang hamba daripada api neraka kecuali hari Arafah.”

As-Syaikh meriwayatkan lagi daripada Ibnu Abbas r.a bahawa Nabi s.a.w telah bersabda:

“Umrah yang dilakukan pada masa bulan Ramadan sama dengan haji yang dikerjakan bersama denganku.”

Jika beginilah wahai saudaraku para pendakwah, tentang balasan bagi orang yang beribadat dan ganjaran pahala bagi orang yang mengerjakan amalan-amalan sunat dengan penuh khusyu’, maka bersungguh-sungguhlah dengan sentiasa berbekal dan melengkapkan diri dengan amalan-amalan sunat untuk memperolehi pahala dan balasan yang besar di hari akhirat. Semoga engkau diliputi oleh Allah s.w.t dengan kasih sayang, keredaan dan keampunan-Nya, serta terhitung daripada orang-orang yang dapat menaiki tangga kesempurnaan, kesucian dan kerohanian.

Kita telah membicarakan wahai saudara-saudaraku para pendakwah tentang perkara-perkara penting yang dapat memberikan tenaga rohiah jiwa manusia dan membekalkan hatinya dengan limpahan kesucian. Bahkan ianya yang dapat menjadikan kamu contoh-contoh yang baik dan salihah dalam keikhlasan dan takwa serta pengorbanan dan perjuangan.

Engkau telah melihat di antara perkara-perkara itu ialah yang menyentuh soal hati dan ia merangkumi:

- Sentiasa bermuraqabah dengan Allah.
- Mengingati mati dan apa yang berlaku selepasnya.
- Mengingati akhirat dan keadaan-keadaannya.

Dan di antaranya juga ialah amalan-amalan yang boleh dipraktikkan atau dilaksanakan seharian, ianya merangkumi:

- Membaca al-Quran al-Karim dengan tadabbur dan penuh khusyu’.

- Sentiasa mendampingi nabi melalui sirah dan perjalanan hidupnya yang murni.
- Sentiasa mendampingi orang-orang salih yang dipilih oleh Allah, seperti aulia-aulia Allah dll.
- Sentiasa mengekalkan zikrullah pada setiap waktu dan keadaan.
- Menangis ketika berseorangan di tempat sunyi kerana takutkan Allah.
- Sentiasa berkekalan dalam membekali diri dengan ibadat dan amalan-amalan sunat.

Pada pendapat saya bahawa para pendakwah, apabila mereka sentiasa merasakan kelazatan kerohanian, diri-diri mereka akan memancarkan cahaya kebersihan, jiwa-jiwa mereka akan menerbitkan pancaran-pancaran keikhlasan dan roh-roh mereka akan berada di langit kesucian dan ilham bahkan mereka akan menjadi contoh yang tinggi kepada orang-orang yang meminta belajar dan bertemu mereka dalam kebenaran memperkatakan sesuatu perkataan kebaikan tingkah laku, kekuatan pengorbanan, sentiasa menunjukkan contoh yang baik, sentiasa membuat perubahan yang syumul dan melakukan islah yang berterusan.

Firman Allah s.w.t, surah Yunus ayat 58:

“Katakan, dengan kurnia Allah dan dengan rahmat-Nya.” (Yakni Allah turunkan Quran dan nasihat itu dengan kurnia-Nya) maka dengan itu hendaknya mereka bergembira, iaitu (Quran dan nasihat-nasihat) itu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan.” (Yunus :58)

Kesan Kerohanian Dalam Pembinaan Islam Dan Perubahan.

Dengan taufik Allah dan mempercantungkan diri kepada-Nya, aku berpendapat:

Seorang pendakwah apabila takwa memenuhi dirinya, dia sentiasa bermuraqabah dan merasakan kebesaran Allah, seterusnya dia sentiasa melakukan tilawah dengan penuh tadabbur dan khusyu', dia sentiasa berakhlak dan mencontohi Rasulullah s.a.w, dia sentiasa bersahabat dengan orang-orang dari kalangan yang baik, dia sentiasa mengingati Allah dalam keadaan tetap dan ketenangan dan dia sentiasa meneruskan ibadat-ibadat sunat dengan penuh taqarrub dan penuh khusyu'.

Seorang pendakwah, apabila dia berkeadaan demikian, apabila dia berkhotbah atau berceramah atau menyeru kepada Allah, engkau akan melihat keimanan memancar di matanya, keikhlasan memenuhi wajahnya, kebenaran bersama-sama dengan suaranya yang penuh kasih. sayangnya, kekhusyukan gaya percakapannya dan isyarat tangannya. Bahkan perkataannya berjalan di dalam hati-hati dan menembusi kegelapan jiwa-jiwa sebagaimana air yang bersih dan sejuk mengalir dalam diri yang dahaga dan sebagaimana cahaya yang menembusi gelombang-gelombang kezaliman. Mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk Allah dan dengan petunjuk itu mereka memberi petunjuk keadaan manusia, dengan pendakwahan mereka manusia menyahutinya, dengan peringatan mereka hati-hati menjadi gementar dan airmata mengalir, orang-orang yang berdosa bertaubat dan orang-orang yang sesat mendapat petunjuk.

Rohaniah Para Pendakwah: Kesannya dalam kefahaman dan "istinbat" (mengeluarkan pengajaran)

Apabila jiwa seorang pendakwah itu telah bersinar dengan kekuatan kerohanian, berhubung dengan Allah dan berdetik dengan perasaan takwa, pengertian-pengertian dan rahsia-rahsia yang tidak dapat dirasai kecuali oleh golongan yang bertakwa akan terbuka dan terdedah padanya.

Umar bin al-Khattab r.a telah mengutamakan Abdullah Ibn Abbas r.a dan mengiktiraf kelebihan dan kedudukannya dalam memahami al-Qur'an dan mentafsirkan ayat-ayatnya walaupun umurnya ketika itu masih muda. Pada suatu ketika Umar mengajak ibn Abbas ke suatu majlis yang dihadiri oleh mereka yang menyertai perang Badr yang terkenal dengan kelebihan dan kedudukan mereka yang terkedepan. Umar merasakan mereka seolah-olah berkata: Kenapakah Umar memasukkan pemuda ini bersama-sama kami sedangkan kita juga mempunyai anak-anak seperti ini? Ibn Abbas berkata: "Suatu hari beliau memanggil aku dan memasukkan aku bersama-sama

dengan mereka. Aku tidak mendapatinya mempunyai sebarang tujuan kecuali untuk menunjukkan kebolehan ku.”

Umar berkata: Apa pendapat kamu semua mengenai ayat ini:

“Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan, dan engkau melihat manusia masuk agama Allah berduyun-duyun, maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhan-Mu dan mintalah keampunan-Nya, sesungguhnya Ia sangat-sangat menerima taubat.” (Surah An-Nasr)

Setengah dari mereka mendiamkan diri dan tidak mengeluarkan sepatah kata pun sementara setengahnya menyatakan: Kita telah diperintahkan untuk memuji-Nya dan memohon keampunan dari-Nya apabila kita mencapai kemenangan!

Umar lalu berpaling kepada Ibn Abbas dan berkata, adakah engkau berpendapat demikian wahai Ibn Abbas?

Abdullah berkata: “Aku berkata, tidak.”

Umar: “Apa pendapatmu?”

Aku: “Ayat itu menandakan kewafatan Rasulullah s.a.w, Allah memberitahu baginda melalui ayat itu.”

Umar: “Apabila datangnya kemenangan dari Allah dan pembukaan Mekah itulah alamat kewafatanmu. Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan pohonlah keampunan dari-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Penerima Taubat! Aku tidak mengetahui berkenaan ayat itu melainkan sepertimana yang engkau katakan.”

Ibn Abbas dan Umar al-Faruq r.a kedua-duanya dapat melihat isyarat yang menandakan dekatnya ketibaan ajal Rasulullah s.a.w walaupun isyarat tersebut tidak jelas dari surah ini. Hanya orang-orang yang telah diberi ilham, kemampuan dan kefahaman sahaja yang mampu menyelaminya.

Sebuah hadis yang terdapat dalamnya isyarat (petanda) yang membuktikan tentang kefahaman mereka berdua (Umar dan Ibnu ‘Abbas) ialah apa yang didatangkan di dalam sahih Muslim: Sebelum kewafatan Rasulullah s.a.w, baginda banyak sekali mengucapkan:

Lalu ‘Aisyah bertanya, “Apakah dia kalimat-kalimat yang sering anda sebut itu wahai Rasulullah?” Baginda bersabda: “Telah dijadikan bagiku suatu petanda bahawa apabila aku melihatnya aku mengucapkannya.” (Tandanya itu ialah)

“Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan.”

Kadang-kadang pengertian sesuatu ayat itu jelas tapi ianya tidak dapat diselami oleh akal. Perlulah bagi seseorang yang faham dan jelas tentang ayat tersebut menerangkan dengan sebaik-baiknya hubungan-hubungan yang dapat mengeluarkan pengertian ayat yang sebenarnya.

Contohnya: Setengah orang ramai telah mengadu kepada Ali bin Abi Talib k.w tentang ‘Asim bin Ziad, kerana dia dikatakan memakai pakaian

yang kasar, rninggalkan makanan-makanan yang baik, menjauhi isterinya dan membiarkan anaknya. Ali berkata: “Bawalah beliau kepadaku.” Maka apabila dilihatnya ‘Asim, wajahnya menjadi muram dan berkata: “Celakalah engkau wahai ‘Asim! Adakah engkau tahu bahawa Allah telah mengurniakan kepada engkau segala nikmat kemudian engkau tidak menyukai nikmat-Nya? Engkau telah menghina Allah dengan demikian itu. Tidakkah engkau mendengar firman-Nya:

“Ia buatkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu.

Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya.

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan-Mu yang kamu dustakan.

Dari kedua laut itu, keluar mutiara dan marjan.” (ar-Rahman: 19 - 22)

“Demi Allah, sesungguhnya menzahirkan nikmat Allah s.w.t. di hadapan manusia dengan membanyakkan amalan dan tindakan adalah lebih disukai oleh-Nya daripada melahirkan percakapan dan pembicaraan yang banyak sedangkan sesungguhnya engkau telah mendengar firman Allah:

“Dan terhadap nikmat Tuhanmu maka hendaklah kamu menyebutnyebutnya.” (Ad-Dhuha: 11)

Ini adalah merupakan suatu renungan yang indah dari Ali r.a. Berapa kalikah kita membaca firman Allah (Yakhrijuminhumallu’lu uwalmarjan) maka kita tidak akan dapat berhenti di suatu noktah pun dari ayat ini sehingga Saidina Ali mengistinbatkan dan berkata: “Adakah engkau tidak melihat bahawa Allah menciptakan nikmat-nikmat ini dan telah mengharuskan bagi engkau kemudian Dia menegah engkau dari menikmatinya.”

Hubungan yang lahir di antara surah ar-Rahman dan surah ad-Dhuha ini adalah hubungan yang tidak dapat diistinbatkan oleh insan biasa. Hukum ini menyatakan bahawa melahirkan nikmat-nikmat Allah secara amali dengan menggunakan-Nya adalah lebih disukai dari menyatakannya melalui perkataan sahaja.

Bukhari meriwayatkan bahawa Ali k.w pernah disoal: “Adakah Rasulullah s.a.w telah mengkhususkan kepada kamu suatu ilmu yang tidak diketahui oleh manusia yang lain? Jawabnya: “Tidak, demi Tuhan yang menciptakan biji-bijian dan meniupkan angin, melainkan suatu kefahaman yang diberikan Allah kepada seseorang hamba-Nya.”

Seseorang pendakwah yang bersifat Rabbani diberikan kemampuan untuk memahami dan mengistinbatkan kitab Allah kerana kebersihannya, ketinggian rohaninya, jiwanya yang bercahaya, kesucian dirinya dan cahaya yang gemilang di wajahnya.

Sejarah Mereka Yang Melakukan Islah Dan Pengorbanan.

Tidak syak lagi bahawa seseorang pendakwah yang bersifat Rabbani apabila beliau telah sampai ke peringkat ketakwaan, kefahaman dan kerohanian yang tinggi dan dirinya telah dihiasi dengan nilai-nilai yang tinggi seperti ikhlas, benar, iman yang panas (mendalam) maka ia akan bergerak dalam medan dakwah dan jihad sebagai seorang dai' yang benar dan mujahid yang ikhlas pada jalan Allah sehingga dia melihat umat Islam teguh dan tentera kebatilan dikalahkan serta semuanya berundur, dan panji kebenaran diangkat mengatasi panji panji yang lain, maka ketika dia akan bergembira dengan kemenangan yang diberikan Allah kepadanya dan sokongan dari-Nya kepadanya.

Perhatikanlah kepada apa yang telah diungkapkan oleh ulamak-ulamak besar yang lalu dan kini tentang para pendakwah yang memiliki kekuatan rohani dan tokoh-tokoh pendidik Rabbani di dalam usaha-usaha mereka di bidang pendidikan dan islah serta sikap kepahlawanan jihad mereka dalam rangka kita memahami kesan-kesan yang ditinggalkan mereka dan islah yang mereka telah lakukan serta perubahan yang mereka telah wujudkan.

Syeikh Muhammad Abu Zahrah rahimahullah dan juga Ustaz Faudah telah menyatakan bahawa dalam zaman kita yang muta'akhir ini, penekanan kepada tarbiyyah rohiyyah mempunyai keistimewaan-keistimewaan dan kesan-kesan yang jelas di mana orang-orang Islam di Afrika Barat, Tengah dan Selatan, keimanan mereka adalah buah daripada penekanan tarbiyyah rohiyyah. Imam besar as-Sanusi dia melakukan islah di antara orang-orang Islam, perkara yang mula-mula sekali di tekankannya adalah menyusun sukatan (manhaj) pendidikan kerohanian. Minhaj tersebut pada zatnya merupakan sesuatu yang asing. Dia hanya mengambil orang-orang yang berkeinginan sahaja yang kemudiannya diolah untuk menjadi orang-orang yang bekerja (rijal a'mal) untuk itu beliau telah menubuhkan zawiyah-zawiyah dan zawiyah yang pertama sekali didirikannya di sebuah gunung, kemudian di padang-padang pasir dan dengan usaha pemuda-pemuda mereka dan kekuatan yang ada pada mereka terpancarlah air yang kemudiannya dapat dimanfaatkan untuk pertanian.

Mereka diajarkan berperang dan melontar lembing sehinggalah mereka dapat menumpaskan penjajah Itali lebih daripada 20 tahun setelah Daulah Othman gagal untuk membantu penduduk Libya.

“Puak Sanusi ini melancarkan serangan yang berterusan sehinggalah Allah menghina kerajaan Itali.”¹

Ustaz Sabri 'Abidin menyatakan dalam satu seminar Liwa' al-Islam: "Sebenarnya Mursyidin Rabbani mengembangkan Islam di seluruh alam dan suka saya sebutkan di sini bahawa sejak lima puluh tahun yang lepas Syeikh al-Bakri telah menulis sebuah buku yang memuatkan kata-kata para mubaligh Kristian: "Ke manapun kami pergi walaupun ke tempat yang paling jauh daripada kemajuan dan pembangunan di Afrika dan pedalaman Asia, kami dapati al-Mursyid sentiasa mendahului dan mengatasi kami. Aku telah melihat satu misi mubaligh Sweden di sempadan Habsyah, Sudan dan Eriteria. Aku dapati pondok-pondok yang didirikan oleh pendidik rabbani dan orang-orangnya telah berjaya memusnahkan segala usaha yang dijalankan oleh pendakwah-pendakwah Kristian Sweden sejak 40 tahun yang lalu.

Seorang pendakwah yang agung, Abu Hassan an-Nadawi dalam bukunya "Pemuda-pemuda Yg. Berfikrah Dakwah" muka surat 249, tentang seorang alim yang bersifat rabbani iaitu al-Syeikh Abdul Qadir al-Jailani: "Seramai lebih kurang 70 ribu orang telah menghadiri majlis pengajiannya, 5,000 orang Yahudi dan Nasrani menganut Islam melaluinya, lebih seratus ribu orang yang bertaubat dengan tangannya, pintu kesetiaan (bai'ah) dan taubat dibuka atas kegigihannya, maka masuklah di dalamnya sejumlah manusia yang tidak terhitung bilangannya kecuali oleh Allah s.w.t. Keadaan mereka diperbaiki, Islam mereka diperelokkan dan al-Syeikh berterusan mendidik mereka, memuliakan mereka serta keluarga mereka. Golongan rohani ini menjadi orang-orang yang bertanggungjawab selepas melakukan bai'ah, taubat dan memperbaharui keimanan, kemudian al-Syeikh telah memberikan tauliah kepada sebilangan besar daripada mereka yang memiliki kepandaian, istiqamah dan keupayaan untuk mendidik. Maka bertebaranlah mereka di seluruh pelusuk, menyeru manusia kepada Allah, mendidik jiwa-jiwa dan memerangi syirik, jahiliyyah, bida'ah serta kemunafikan.

Dakwah Islam berkembang dengan pesat sekali, tegaklah kelompok dan markas-markas keimanan, berdirilah sekolah-sekolah kebajikan, ikatan jihad dan perkumpulan-perkumpulan ukhuwwah di seluruh pelusuk dunia Islam.

Para pengganti dan murid-muridnya serta pemuka-pemuka dakwah dan tarbiyyah di kurun-kurun yang berikutnya mempunyai saham yang besar dalam menjaga roh Islam, cahaya iman, semangat dakwah dan jihad dan kekuatan melawan tuntutan nafsu dan syahwat.

Kalaulah bukan kerana mereka tentulah kebendaan yang pernah menduduki hati kerajaan-kerajaan dan kemajuan umat ini akan bermaharajalela dan kejahatan hidup dan kecintaan terhadapnya akan bertunas di hati individu-individunya.

"Mereka memberikan saham yang besar dalam usaha mengembangkan Islam ke kawasan-kawasan yang jauh di mana tentera Islam tidak sampai ke sana ataupun tidak berupaya ditundukkan di bawah

Kerajaan Islam. Islam berkembang di Afrika, Rusia, Kepulauan Lautan Hindi, Cina dan India.”

Ustaz kami Muhammad Raghīb at-Tibakh rahimahullah berkata dalam kitabnya “Thaqafatul Islamiyyah” Di antara peninggalan dan kesan-kesan baik yang dilakukan oleh tokoh-tokoh pendidik ini ke atas umat Islam ialah raja-raja dan para pemerintah apabila mereka ingin melakukan jihad, sebahagian besar dari mereka memberikan semangat pendokong-pendokong mereka untuk keluar berjihad. Oleh kerana besarnya keyakinan mereka terhadap tokoh-tokoh tarbiyyah dan kepatuhan kepada mereka, pengikut-pengikut ini tanpa berlengah-lengah segera menyusun barisan mujahidin yang terdiri dari suatu bilangan yang besar yang dengan sepenuh hati menyertai barisan tersebut. Inilah yang menjadi faktor utama kepada kemenangan mereka.”

Syakib Arsalan, seorang penulis Islam yang masyhur di dalam bukunya, “Hadhrat Alamul Islami” di bawah tajuk ‘Kebangkitan Islam di Afrika dan faktor pendorongnya’ menyatakan, “Di kurun yang ke 18 dan 19, satu kebangkitan baru telah berlaku dengan didokong oleh pengikut-pengikut dua buah sekolah: al-Qadiriyyah dan asy-Syadzaliyyah.

Al-Qadiriyyah adalah pengembang agama Islam yang bersemangat tinggi di Afrika Barat, daripada Sinigal hingga Banin yang berhampiran dengan Mussab (sungai Nigeria). Mereka menyebarkan Islam melalui perniagaan dan pembelajaran. Di waktu pembelajaran itulah mereka menyampaikan Islam kepada anak-anak orang kulit hitam, seterusnya mereka menghantar pelajar-pelajar yang cerdas ke sekolah-sekolah di Torobils, Qairawan, Universiti Qarawiyyun di Fas dan Universiti al-Azhar di Mesir. Maka keluarlah dari sana mahasiswa-mahasiswa yang berijazah, lalu kembali ke negeri-negeri itu untuk menghadapi golongan pengembang Kristian di Sudan.”

Sambil membicarakan tentang Syaikh Qadiriyyah beliau berkata, “Syeikh Abdul Qadir Jailani yang lahir di Parsi ialah seorang mursyid yang agung yang mempunyai pengikut-pengikut yang tidak terhitung ramainya. Tarikatnya telah sampai ke Sepanyol dan tatkala Kerajaan Arab telah hilang pengaruhnya dari Grenada, pusat sekolah ini telah berpindah ke Fas. Melalui sekolah inilah, banyak bentuk-bentuk bid’ah telah dihapuskan dari kehidupan orang-orang Barbar dan mereka mula berpegang kepada Sunnah dan Jamaah. Sekolah ini jugalah yang berperanan untuk memberikan tunjuk ajar kepada orang-orang kulit hitam Afrika Barat.”

Berkenaan dengan Sekolah asy-Syadzaliyyah dan imamnya pula, beliau menceritakan “...Syadzali adalah sebenarnya dinisbahkan kepada Abu al-Hassan asy Syadzali yang mengambil alih dari Abdul Salam bin Musyaisy dari Abu Madyan. Sekolah ini merupakan antara sekolah yang ulung-ulung sekali memasukkan tarbiyyah rohiyyah ke dalam pembelajaran di sebelah Maghribi. Pusatnya terletak di Marakisy. Di antara syeikh-syeikhnya ia ialah Al-Arabiyy ad-Darqawi yang mempunyai semangat tinggi hingga

pengaruhnya meluas ke Maghribi Tengah. Pengikut-pengikutnya telah menyerahkan saham yang besar dalam menentang penjajahan Perancis.”

Kita juga tidak sepatutnya melupakan pengaruh seorang alim – Syeikh Jamaluddin ke atas cucu Jenghiz Khan yang bergelar Tughluk Timur Khan yang kemudiannya memeluk Islam bersama-sama pengikut-pengikutnya. Kisah pengislamannya ada disebutkan oleh Abu al-Hassan an-Nadawi di dalam bukunya “Pemuda-pemuda Yg. Berfikrah Dakwah Islam”: Sultan Kasyghar (1347 – 1363 M) yang bernama Tughluk Timur Khan telah menganut Islam di bawah bimbingan Syeikh tersebut – Jamaluddin – yang berasal dari Bukhara. Mengikut ceritanya, beliau bersama dengan kawannya sedang berada dalam perjaianan dan mereka secara kebetulan melintasi tanah larangan kepunyaan Sultan di mana tanah itu dikhususkan untuk perburuan. Sultan memerintahkan mereka untuk ditangkap dan dihadapkan kepadanya. Dengan marah baginda berkata:

“Bagaimana kamu dapat memasuki kawasan laranganku ini tanpa mendapat keizinanku?” Syeikh itu berkata: “Kami adalah orang asing di sini dan kami tidak menyedari ia merupakan tanah larangan!” Tatkala baginda mengetahui mereka berbangsa Iran, baginda pun berkata sambil mengejek: “Seekor anjing lebih mulia dari orang-orang berbangsa Iran!” Syeikh itu lalu menjawab:

“Sultan ini benar. Jika Allah tidak memuliakan kami dengan satu agama yang benar, tentulah kami ini lebih hina dari anjing-anjing.” Raja itu tercengang. Baginda meneruskan perburuannya namun perkataan Syeikh itu tetap berlegar dalam kepalanya dan apabila pulang, baginda memerintahkan supaya mereka dihadapkan sekali lagi kepada baginda selepas daripada selesainya perburuan nanti.

Apabila baginda pulang, maka baginda telah bersendirian dengan Syeikh Jamaluddin dan berkata: “Huraikan kepada beta apa yang engkau maksudkan dengan ucapanmu tadi.” Syeikh itupun menghuraikan Islam dalam satu bentuk penghuraian yang menarik dan menggetarkan hati raja tersebut, serta menggambarkan kekufuran pula dengan satu gambaran yang begitu buruk dirasakan oleh sultan itu, dan dia kini benar-benar menyedari bahawa dia sekarang ini sedang berada dalam suatu kesesatan. Walau bagaimanapun Sultan itu beranggapan bahawa kalau baginda mengiklankan keislamannya pada waktu itu juga, maka dia tidak akan mampu untuk mengislamkan seluruh rakyatnya. Lantaran itu dia telah mengharapkan kepada Syeikh itu supaya menunggu keislaman baginda sehinggalah baginda dilantik menjadi Sultan yang sebenarnya (sebelumnya hanya sebagai raja muda) dan menduduki takhta kerajaan. Pada masa tersebut syeikh itu bolehlah menziarahinya untuk proses keislaman baginda dan rakyat baginda.

Walaupun bagaimanapun Syeikh Jamaluddin telah meninggal dunia apabila pulang ke negerinya setelah ia ditimpa sakit yang tenat. Ketika itu sudah hampir menemui ajalnya dia telah memanggil anaknya, Rasyiduddin dan berwasiat: “Sesungguhnya Tughluq Timur Khan pada suatu hari nanti

akan menjadi seorang raja yang besar. Bila engkau telah mendengar berita itu maka ziarahilah baginda dan peringatkanlah kepadanya tentang janjinya kepadaku untuk memeluk Islam selepas baginda menaiki takhta kerajaan.”

“Ketika Tughluq Timur Khan menaiki takhta menggantikan ayahnya, Syeikh Rasyiduddin telah memasuki satu gerombolan tentera dengan tujuan untuk melaksanakan wasiat ayahnya, tetapi pasukan tentera itu telah menghalangnya daripada memasuki dan menemui Raja Tughluq Khan. Pada suatu hari ia telah melaungkan azan berhampiran dengan khemah Sultan tersebut di waktu Subuh. Baginda terjaga dari tidurnya dan murka, akhirnya meminta supaya Syeikh itu menemuinya. Syeikh Rasyiduddin telah menyampaikan salam daripada ayahnya Jamaluddin. Lantas raja itupun teringat kepadanya seraya melafazkan dua kalimah syahadah. Islam kemudiannya berkembang di kalangan rakyat baginda dan akhirnya menjadi satu agama bagi seluruh jajahan takluknya, di mana mereka sebelum ini menganut agama Buddha dengan begitu lama sekali.”

Perkara-perkara ini semuanya telah berlaku selepas serangan orang-orang Tartar ke atas dunia Islam pada kurun ketujuh hijrah maka berlakulah kelemahan dan kemusnahan ke atas orang-orang Islam. Orang-orang Tartar itu tidak meninggalkan sesuatupun kepada umat Islam kecuali roh yang lemah dan lesu. Ketika inilah segala penentangan dan pedang-pedang jihad begitu berkurangan sekali bahkan peranan dan pengaruhnya ke atas umat Islam telah menjadi semakin pudar. Umat Islam telah diliputi dengan kekecewaan dan putus asa dan mereka beranggapan adalah mustahil bagi mereka untuk menundukkan orang-orang Tartar tersebut. Mereka merasakan seolah-olah Islam ini sudah tidak mempunyai masa depan dan kewujudan.

Walau bagaimanapun Allah s.w.t dengan kehendak-Nya telah menghidupkan satu golongan ulama' yang Rabbani serta para du'at yang ikhlas dan benar. Pengaruh mereka telah menyerap masuk ke dalam jiwa orang-orang Tartar yang keras dan liar itu. Pintu-pintu hati mereka telah berjaya dibuka dengan kebenaran Islam, seterusnya kaum Tartar itu telah memahami serta menganut Islam dengan beramai-ramai. Tidak beberapa lama selepas kemaraan mereka ke atas dunia Islam dan penaklukan yang lama ke atasnya, mereka telah menganut Islam dan menjadi pembela-pembelanya sehingga terdapat di kalangan mereka para fuqaha', pendakwah dan mujahidin.

Semua ini adalah merupakan usaha-usaha yang telah dibuat oleh para Mursyid Rabbani dan juga para du'at yang ikhlas. Merekalah yang telah menyelamatkan umat manusia ini daripada keberhalaan dan kehidupan yang liar, seterusnya mengajar dan mendidik mereka bagaimana menghormati kemuliaan seseorang manusia serta bagaimanakah pula untuk membebaskan diri daripada kekufuran dan kesesatan lantas memasuki lingkungan ubudiyyah dan keimanan. Ini semua tidak lain adalah disebabkan kelebihan pancaran ubudiyyah, dakwah rabbani serta kegigihan mereka dalam melaksanakan tabligh dan islah. Semoga Allah memberikan sebaik-baik

balasan kepada mereka dan seterusnya meletakkan mereka di tempat yang tinggi di akhirat kelak, insyaAllah s.w.t.

Mereka inilah manusia-manusia yang telah meninggalkan kesan yang besar kepada sejarah kemanusiaan, seterusnya menjadi ikutan buat generasi berikutnya. Cerita-cerita mengenai orang-orang yang telah berjaya mempengaruhi, membaiki dan mengubah umat Islam ini adalah begitu banyak sekali sehingga kita tidak menghadkannya. Di antara mereka itu ialah seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Syafie, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Hasan al-Basri, Imam al-Fudhail bin Iyadh, Imam Makruf al-Kharkhi, Imam al-Junaid al-Baghdadi, Imam Hujjatul Islam al-Ghazali, Imam Jalaluddin al-Rumi, Imam Syeikh Al-Islam Ibn Taimiyyah, Imam Abu Yazid al-Bastani, Imam Sahl Tastari, Imam Said an-Nursi, Imam Hasan al Banna dan berpuluh-puluh bahkan beratus-ratus lagi imam-imam selain dari mereka.

Mereka itulah imam-imam rabbani yang telah memikul tanggungjawab dakwah dan risalah Islam serta tanggungjawab hidayah. Mereka menghimpunkan ibadah dan jihad, menyatukan hak Allah dan hak hamba, menyuarakan petunjuk dan kebenaran di hadapan orang-orang yang zalim, memperbaharui ukhuwwah Islam melalui dakwah dan hubungan peribadi antara mereka. Kesannya mereka berjaya mengislamkan manusia dengan penuh kefahaman dan penghayatan di mana sebelumnya Islam yang dianuti diterima secara adat dan warisan sahaja. Pengikut-pengikut mereka juga telah dapat merasai kemanisan Islam dan kelazatan iman yang mana sebelumnya tidak diperolehi. Mereka berjaya membebaskan manusia dari kekuasaan nafsu, syahwat dan kecintaan terhadap dunia kepada cahaya kebenaran, petunjuk Islam dan kelazatan dalam mentaati Allah dan bermunajat kepada-Nya. Mereka seterusnya mengikat kebenaran dengan Syariat Allah bukan dengan peribadi mereka sendiri. Mereka telah mendalami terlebih dahulu ketetapan-ketetapan syarak dan menerima segala kritikan terhadap kesilapan mereka serta saling nasihat-menasihati sesama mereka dengan suatu pegangan bahawa mereka hanyalah manusia biasa yang terdedah kepada kesilapan. Hanya para anbiya' sahaja yang mereka imani bersifat maksum dan yang suci dari maksiat adalah malaikat. Semoga Allah s.w.t memberikan rahmat kepada Imam Malik ketika beliau di hadapan kubur Rasulullah s.a.w mengungkapkan satu ungkapan yang begitu masyhur. "Tidak ada seseorangpun yang menolak atau ditolak pendapatnya kecuali penghuni kubur ini, sambil ia menunjukkan ke kubur baginda s.a.w.

Di antara pendirian yang abadi yang telah ditunjukkan oleh ulama'-ulama' Rabbani ialah apa yang ditunjuk oleh seorang pemimpin Islam dari Turki, Syeikh Said an-Nursi yang dikenali sebagai Badi'uzzaman. Sikap ini dikemukakan olehnya ketika dia merasakan ada di antara pelajar-pelajarnya yang cenderung untuk mengagungkan, membesarkan serta mengikut asas-asas kebenaran dengan peribadinya yang tinggi, lalu dia berkata dengan bertujuan memberi nasihat, "Hendaklah kamu menjauhi sikap menyandarkan kebenaran yang saya selama ini dengan peribadi saya seru dan hendaklah kamu semua bersegera menghubungkan dengan kitab Allah

dan sunnah Nabi s.a.w. Saya bukanlah maksum. Jika kamu hubungkan kebenaran itu denganku, kemudian aku melakukan dosa atau penyelewengan, ini akan menyebabkan kamu akan berpaling dari kebenaran tersebut disebabkan oleh dosa dan penyelewenganku.”

Mursyid yang mendakwa dirinya terpelihara dan maksum yang membataskan pengikutnya kepada menerima ajarannya sahaja, memalingkan mereka daripada pengaruh al-Quran dan pembacaannya, menyuruh pengikutnya supaya mendiamkan diri apabila ia melakukan maksiat, menghadkan Islam di sekitar tazkiah nafsiah (pembersihan diri) dan menggantungkan hukum-hukum jihad, maka mereka semua adalah dikira sebagai jahil. Sementara itu Mursyid yang bermuka-muka di hadapan pemerintah, mendiamkan diri daripada kemungkaran yang dilakukan oleh pemerintah sedangkan ia menghadiri di majlis-majlis mereka adalah juga dikira sebagai jahil.

Lantaran itu maka bersungguh-sungguhlah wahai saudaraku para pendakwah, supaya engkau menjadi para pendakwah yang mempunyai kerohanian yang tinggi, penuh kesedaran dan sebagai orang-orang yang memberikan petunjuk Rabbani, benar serta ikhlas. Semoga dengan itu Allah s.w.t akan memberikan petunjuk kepada manusia ramai melalui usahamu. Seterusnya engkau akan dicatatkan oleh sejarah sebagai pendakwah yang membuat perubahan kepada pembinaan Islam. Semoga engkau juga akan menjadi matahari petunjuk dan sinaran keimanan yang akan menyemarakkan hidayah Allah s.w.t dengan pertolongannya insyaAllah.

PENUTUP

Selepas daripada engkau telah mengetahui, wahai saudaraku bahawasanya jalan ke arah peningkatan kerohanian itu ialah ketakwaan kepada Allah s.w.t, sementara jalan kepada takwa itu sendiri pula ialah:

Mu'ahadah: dengan itu ianya akan menjadikan engkau seorang yang benar-benar istiqamah di jalan Allah s.w.t.

Muraqabah: dengan itu engkau akan menjadi seorang yang sentiasa dapat merenungi serta merasai kebesaran dan keagungan Allah s.w.t.

Muhasabah: dengan itu engkau akan menjadi bebas dan merdeka daripada dorongan-dorongan nafsu dan syahwat.

Mu'aqabah: dengan itu engkau akan dapat menjaga diri engkau daripada kesilapan dan penyelewengan.

Mujahadah: dengan itu engkau akan sentiasa dapat memperbaharui kecergasan engkau dalam beribadat.

Selepas daripada itu engkau juga telah mengetahui makanan serta dorongan kerohanian itu ialah:

1. Perasaan engkau yang sentiasa bermuraqabah kepada Allah s.w.t mengingati kematian serta perkara-perkara yang berlaku selepasnya juga merenungi tentang pembentangan hari akhirat serta suasana-suasana yang berlaku semasanya.
2. Perjalanan dan tingkahlaku engkau secara amali yang diikatkan dengan sentiasa membaca al-Qur'an dengan tadabbur dan khusyu'; sentiasa bersama dengan sirah nabi yang murni dan harum itu, juga bersama dengan perjalanan-perjalanan ahli makrifat dengan Allah s.w.t, sentiasa berzikir ke hadrat Allah s.w.t dalam setiap waktu dan keadaan, sentiasa menangis lantaran takutkan Allah s.w.t sama ada semasa muhasabah atau berkhawatir serta dengan sentiasa memperbanyakkan perbekalan-perbekalan daripada ibadat-ibadat dan amalan sunat.

Kemudian daripada itu engkau juga telah mengetahui tentang kesan-kesan kerohanian di dalam bidang-bidang pembinaan, pembaikan serta perubahan dan juga dalam memahami ayat-ayat Qur'an supaya dapat mengeluarkan takwilan dan pentafsiran terhadapnya.

Maka tidak ada pilihan lagi bagi engkau selepas daripada ini, kecuali hendaklah engkau melipatgandakan usaha dan kegiatan, memperteguhkan semangat dan cita-cita dan menumpukan sepenuh usaha bagi menjadikan engkau tergolong dalam bilangan mereka yang berjaya mencapai tingkatan kerohanian yang tinggi sama ada dari segi perkataan dan juga amalan,

perilaku harian dan akhlak, muhasabah dan mujahadah, serta muraqabah dan mu'ahadah. Bahkan untuk menjadikan engkau sebagai orang-orang yang telah diredai oleh Allah s.w.t dan mereka pun reda terhadap Allah s.w.t, juga supaya tergolong dalam golongan yang mencintai Allah dan Allah pun mencintai mereka, seterusnya semoga engkau akan tergolong daripada mereka yang akan menemui Tuhan mereka bersama kumpulan nabi-nabi, para diqin, para syuhada' dan salihin, kerana mereka telah mendapat sebaik-baik balasan daripada Allah s.w.t.

Sesungguhnya wahai saudaraku para pendakwah, apabila sahaja engkau telah memanjat tangga ketakwaan, kerohanian serta jalan yang dijalani oleh orang-orang Rahhani yang baik itu insyaAllah engkau akan menjadi seorang manusia yang benar-benar beriman, ikhlas, bertakwa, serta mempunyai keseimbangan dan keteguhan dalam segenap aspek.

Maka wujud tawadu' dalam perjalananmu, cahaya di wajahmu, kemuliaan di dalam tingkahlakumu, daya tarikan pada airmukamu, kesan tinggalan di dalam kata-kata nasihatmu, ikutan dalam perbuatanmu, keteguhan dalam pergaulanmu, kemuliaan pada pendirianmu, keseimbangan dalam pertuturanmu dan akhlak yang tinggi dalam geraklaku hidupmu.

Berhentilah wahai saudaraku para pendakwah – di perhentian roh setiap kali engkau dihitamkan oleh percakapan, ditipu oleh perkara-perkara zahir, keindahan hidup dunia memperdayakanmu, syaitan mendekatimu dan jika engkau takut sekiranya terjatuh ke dalam nifaq dan riak supaya engkau dapat merasakan kelembutan iman, berbekalkan keyakinan dan takwa serta airmata kerohanian.

Untuk apakah itu, wahai saudaraku?

Supaya engkau dapat menguasai ammarahmu apabila dia mengarahmu ke arah kejahatan.

Supaya engkau dapat menundukkan tipudaya syaitan ketika ia menampakkan kemunggaran sebagai suatu yang baik.

Supaya engkau dapat membebaskan diri dari tergelincir ke dalam nifaq dan riak serta ujub.

Supaya engkau sentiasa mengingati maut dan apa yang selepasnya.

Supaya engkau dapat menjauhkan diri dari perkara haram atau syubhat (subahat).

Supaya engkau dapat beristiqamah di jalan Allah dalam keadaan rahsia dan sebaliknya.

Supaya orang ramai mempercayaimu dan menyahut seruanmu.

Supaya orang-orang yang engkau seru ke arah kebaikan mengikutmu.

Supaya orang ramai akan melihat tanda kesalihan dan kejernihan rabbani padamu.

Supaya engkau meninggalkan kesan di alam ini dan qudwah (ikutan) pada generasi akan datang.

Secara umumnya – saudaraku para pendakwah – perhentian roh ini ialah satu tempat (pembangkit) kelebihanmu, punca pengetahuanmu yang mendalam dan satu muhasabah terhadap dirimu, bahkan ia adalah alat yang melahirkan kekuatan iman, rohiyyah, dan batin, muraqabahmu dengan Allah dan juga sumber kepada langkah-langkah dakwahmu.

Apabila engkau terpisah dari dunia rohaniah ini – wahai saudaraku – engkau sesungguhnya telah terpisah dari keupayaan yang memberikan bekal kepadamu, dari cahaya yang memberi petunjuk, dari keikhlasan yang meninggalkan kesan, dari muraqabah yang membentengimu dan dari takwa yang memperingatkanmu. Batinmu akan menjadi kosong dan zahirmu menjadi termangu-mangu, tidak terpancar darinya kilasan cahaya, pancaran kemuliaan. Bahkan akan terpancar darinya perasaan keakuan. Engkau tidak mahu pada hakikatnya menyeru kepada Allah, tidak bermaksud untuk mengejar keredaan-Nya, tetapi engkau berkeinginan untuk menyeru ke arah dirimu sendiri, membina kemuliaan dalam dirimu. Inilah satu bahaya dan penyakit yang paling bahaya.

Maka – wahai saudaraku para pendakwah hendaklah engkau mencapai tahap rohaniah ini. Semoga engkau akan dapat menjalankan dakwahmu dengan sebaik-baiknya, manusia akan menerima manfaat dari kehadiranmu juga agar perubahan akan berlaku dalam masyarakat yang engkau berdakwah dan dalam ummah yang engkau hidup. Mudah-mudahan Allah akan mengangkat ketinggian Islam dan umatnya melalui usahamu.

“Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang-orang yang mempunyai akal atau yang menggunakan pendengarannya, sedangkan dia menyaksikannya.” (Qaf: 37)